بسم الله الرحمن الرحيم

فصل: في ماهية العلم والفقه وفضله

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN HAKIKAT ILMU DAN FEQAH DAN KELEBIHANNYA

Dan sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ ومسلمة

Ertinya: Bermula menuntut ilmu itu wajib atas tiap-tiap laki-laki yang Islam dan perempuan yang Islam.

Ketahui olehmu! Bahawasanya tiada wajib atas tiap-tiap laki-laki yang Islam dan perempuan yang Islam itu menuntut sekalian ilmu, bahkan wajib atasnya menuntut akan ilmu kelakuan dan iaitu ilmu Usuluddin dan ilmu Feqah.

Dan dikehendaki dengan kelakuan itu, iaitu pekerjaan yang kedatangan bagi manusia daripada kufur, iman, sembahyang, puasa dan lainnya daripada sekalian kelakuan-kelakuan, seperti dikatakan:

وأفضل العلم علم الحال وأفضل العمل حفظ الحال

Yang terlebih afdhal ilmu itu ilmu kelakuan, dan yang terlebih afdhal 'amal itu memeliharakan kelakuan.

Wajiblah atas orang-orang yang Islam itu menuntut ilmu yang boleh mengetahui dengan dia akan barang yang jatuh baginya pada kelakuannya (barangmana kelakuan ada ia), kerana bahawasanya seorang yang Islam itu tak dapat tidak baginya daripada sembahyang, maka wajib atasnya menuntut ilmu yang boleh mengetahui dengan dia akan

barang yang jatuh baginya di dalam sembahyangnya dengan qadar barang yang membawa ia dengan dia akan fardhu sembahyang.

Dan wajib pula atasnya menuntut akan ilmu yang boleh mengetahui dengan dia akan barang-barang yang lainnya lagi dengan qadar yang membawa ia dengan dia akan sekalian yang wajib-wajib, kerana bahawasanya barang yang boleh sampai dengan dia kepada menunaikan yang (wajib itu adalah ia wajib juga) dan barang yang boleh sampai dengan dia kepada menunaikan fardhu itu adalah ia fardhu jua.

Dan demikianlah pada puasa dan zakat jika ada baginya harta dan haji jika wajib ia atasnya.
Dan demikian juga pada jualan-jualan jika ia berniaga. Dikatakan bagi Muhammad bin Al Hasan Rahimahullahu Ta'ala:

لما لا تصنف كتابا فى الزهد؟

Kenapa tidak tuan karangkan sebuah kitab pada bicarakan zuhud." Berkata ia:

قد صنفت كتابا فى البيوع

"Telah aku karangkan kitab pada bicarakan berjualan."

Kehendak ia dengan demikian, bahawasanya orang yang zuhud itu adalah mereka yang memelihara ia akan dirinya daripada syubhat-syubhat dan yang makruhat-makruhat pada segala perniagaan mereka itu. Maka adalah kitab pada bicarakan zuhud itu ialah kitab pada bicarakan jualan-jualan tertentu.

Demikianlah wajib ia pada sekalian muamalat-muamalat dan pekerjaan dan tiap-tiap mereka yang bekerja pada suatu pekerjaan daripadanya, nescaya wajib atasnya belajarkan ilmu yang boleh memelihara dengan dia daripada yang haram padanya.

Dan demikian juga wajib atasnya ilmu kelakuan hati daripada tawakkal, yakni berserah kepada Allah Ta'ala akan pekerjaannya dan inabah, yakni kembali kepada Allah Ta'ala dan takut akan Allah Ta'ala dan redha dengan hukum Allah Ta'ala dan qadha'Nya, kerana bahawasanya ilmu ini jatuh ia pada sekalian kelakuannya.

Dan bermula kemuliaan ilmu, tiada tersembunyi ia atas seorang juapun, kerana ialah ditentukan dengan sifat manusia sahaja tiada lainnya, kerana bahawasanya sekalian sifat-sifat yang lain daripada ilmu itu bersekutu padanya oleh manusia dan sekalian binatang-binatang seperti berani, gagah, murah, kasih-sayang dan lainnya yang lain daripada ilmu.

Dan dengan dialah menzahir Allah Ta'ala akan kelebihan Adam 'Alaihisshalatuwassalam atasnya sekalian malaikat-malaikatNya dan menyuruh ia akan mereka itu dengan sujud baginya.

Dan hanya sesungguhnya kemuliaan ilmu itu kerana ia jadi wasilah kepada takut akan Allah Ta'ala yang istihqaq dengan Dia akan karamah di sisi Allah Ta'ala dan bahagia yang berkekalan selama-lamanya, seperti barang yang dikatakan bagi Muhammad Ibnu Al Hasan bin Abdullah akan suatu syair:

تعلم فإن العلم زين لأهله * وفضل وعنوان لكل محامد

Berlajar olehumu kerana bahawasanya ilmu itu perhiasan bagi ahlinya dan kelebihan dan tanda bagi sekalian sifat kepujiannya.

وكن مستفيدا كل يوم زيادة * من العلم واسبح فى بحور الفوائد

Dan jadi olehmu menuntut faedah tiap-tiap hari akan bertambahnya, daripada ilmu dan berenang olehmu di dalam laut segala faedahnya.

تفقه فإن الفقه أفضل قائد * الى البر والتقوى وأعدل قاصد

Tuntut olehmu akan feqah kerana feqah terlebih afdhal pada yang memimpinnya, kepada kebajikan dan takutkan Allah Taala dan terlebih betul yang betulnya.

هو العلم الهادى الى سنن الهدى * هو الحصن ينجى من جميع الشدائد

Ialah ilmu yang menunjuk kepada jalan-jalan penunjuk, dan ialah kota yang menyelamatkan daripada sekalian kesusahannya.

فإن فقيها واحدا متورعا * أشد على الشيطان من ألف عابد

Kerana seorang yang faqih lagi wara'nya, terlebih susah atas syaitan daripada seribu abidnya.

Dan jadikan olehmu akan diri kamu itu menuntut faham dan menuntut faedah dan bertambah-tambahnya daripada ilmu pada tiap-tiap hari. Jangan lupa daripadanya satu hari juapun.

Dan bersungguh-sungguh olehmu pada menuntut akan segala faedah-faedahnya dan manfaat-manfaatnya yang amat banyak itu, seperti bersungguh-sungguh kamu pada berenang

di dalam laut yang amat dalam dan luas, kerana bahawasanya faedah-faedah ilmu itu amat banyak sehingga tiada kuasa menghabisi akan dia oleh anak Adam, seperti tiada kuasa ia berenang dan mengharung di dalam sekalian laut-laut yang dalam-dalam dan yang luas-luas itu, kerana bahawasanya penghulu kita Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam yang terlebih afdhal daripada sekalian nabi-nabi berkata ia di dalam doanya:

رَبِّي زِدْنِي عِلْمًا

Ertinya: Hai Tuhanku, tambahkan olehMu bagiku akan ilmu.

Padahal Nabi saw kita itu bersifat ia dengan sekalian ilmu orang-orang yang dahulukala dan orang-orang yang kemudiannya. Di dalam hal itu, ia menuntut tambah lagi, maka betapakah kamu, ayuhai penuntut-penuntut, kamu memadai dengan ilmu yang kamu dapat sedikit-sedikit itu padahal ilmu-ilmu kamu itu dengan nisbah kepada ilmu Nabi kita 'Alaihisshalatu wassalam seperti satu titik daripada air-air laut jua.

Dan berlajar olehmu dan menuntut olehmu akan ilmu feqah kerana bahawasanya ilmu feqah itu ialah sebaik-baik ilmu yang memimpinkan kita dan menarikkan kita kepada sekalian kebajikan-kebajikan dan yang membawa kepada takut akan Allah Ta'ala, dan ialah seadil-adil daripada segala jenis yang adil, kerana bahawasanya ia ilmu yang menyatakan sekalian

syariat-syariat dan sekalian hukum-hukum yang tiada zalim pada keduanya sekali-kali.

Dan lagi, bahawasanya ilmu feqah ialah ilmu yang menunjukkan manusia dengan lemah-lembutnya kepada jalan itu yang mempersampaikan dia kepada yang dituntuti, dan iaitu kemenangan dan mencapaikan dengan bahagia yang berkekalan yang ialah sampai kepada rahmat Allah Ta'ala dan lemah-lembutnya dan ampuninya.

Dan ialah juga boleh diserupakan dengan kota yang menahani dan melepaskan yang menuntutnya dan belajarnya daripada sekalian kesusahan dan bala' yang masuk di dalam jumlahnya jahil dengan suruhan- suruhan Allah Ta'ala dan tegahan-tegahanNya.

Kerana bahawasanya, jahil dengan keduanya itu sebesar-besar kesusahan dan bala'-bala', seperti barang yang tiada tersembunyi.

Kerana bahawasanya, satu orang yang pandai dan alim pada ilmu feqah laqi wara', yakni amat menjauhkan daripada yang haram-haram akan sebagai jauh yang sempurna, itu terlebih sangat menyusahkan atas syaitan-syaitan daripada seribu orang yang abid, yakni berbuat ibadat dengan ketiadaan feqah.

Sesungguhnya orang yang alim dengan ilmu feqah itu jadi seteru syaitan. Kerana bahawasanya, syaitan menyuruh ia akan manusia dengan fusuq dan kejahatan-kejahatan dan kufur dan jalan yang salah daripada yang sebenarnya.

Dan bahawasanya orang yang alim dengan ilmu feqah itu menyuruh ia akan mereka itu dengan iman dan taat dan menyeru ia akan mereka itu beri lepas daripada jalan syaitan kepada jalan Allah Ta'ala yang Rahman dan tiada hasil daripada abid suatu daripada ini sekalian kelakuan-kelakuan apabila ia tidak alim dengan ilmu feqah, bahkan berbuat ibadah ia atas ketiadaan tetap pada hukumnya.

Dan demikian itu juga, yakni seperti wajib berlajar ilmu kelakuan hati. Wajib juga belajar dan mengetahuikan sekalian perangai, umpama pemurah, penyayang pada harta, penakut, berani, takabbur, merendah diri dan 'iffah.

Yakni, terpelihara daripada yang haram-haram dan melebih-lebih yang ditegahkan dan sangat jimat dan lainnya, kerana bahawasanya takabbur, penyayang, penakut dan melebih-lebih itu haram dan tiada dapat hendak memeliharakan daripadanya melainkan dengan mengetahuinya. Dan mengetahuikan barang yang melawan akan dia, maka wajiblah atas tiap-tiap manusia mengetahui akan dia.

Dan hanya sesungguhnya telah mengarang oleh as Sayyid Al Imam Al Ajall Asy Syahid Nashiruddin Abu Al Qasim akan sebuah kitab pada bicarakan perangai-perangai.

Dan sebaik-baiklah barang yang ia karang itu, maka wajiblah atas tiap-tiap orang Islam memeliharakan perangai dan kelakuannya.

Dan adapun memeliharakan barang yang jatuh ia pada setengah-setengah daripada ketika, maka iaitu fardhu kifayah. Apabila berdiri dengan dia oleh setengah-setengah

orang pada satu negeri, nescaya gugurlah daripada yang lainnya.

Maka jika tiada ada pada negeri itu satu orang yang berdiri dengan dia, nescaya bersekutu sekalian mereka itu pada dosanya, maka wajiblah atas raja, bahawa menyuruh ia akan mereka itu dengan yang demikian itu dan mengerasi ia akan ahli negeri atas demikian itu.

Dan bahawasanya mengetahuikan barang yang jatuh ia atas dirinya pada sekalian kelakuan itu ditempati akan dia pada tempat makanan tak dapat tidak bagi tiap-tiap seorang daripada demikian itu.

Dan mengetahuikan barang yang jatuh pada setengah-setengah daripada ketika itu ditempati akan dia pada tempat ubat dihajatkan kepadanya pada setengah-setengah daripada waktu.

Dan mengetahuikan ilmu bintang-bintang itu ditempati akan dia pada tempat penyakit, maka belajar akan dia itu haram, kerana bahawasanya ilmu bintang itu memberi mudharat dan tiada memberi manfaat.

Dan bermula lari daripada qadha' Allah Ta'ala dan qadarNya itu tidak dapat. Maka sayugia bagi tiap-tiap orang Islam bahawa mengerja ia pada sekalian waktunya dengan menyebutkan Allah Ta'ala dan berdoa dan tadharru' dan baca Quran dan sedekah-sedekah yang menolakkan sekalian bala'-bala' dan memohon ia akan Allah Ta 'ala akan maaf dan afiat pada dunia dan akhirat supaya memeliharakan dia oleh Allah Ta'ala daripada bala'-bala' dan penyakit-penyakit. Kerana

orang yang direzekikan dia dengan boleh berdoa itu tiada diharamkan dia daripada perkenannya.

Sungguhpun bala' itu telah ditaqdir akan dia serta tak dapat tidak mesti kenanya tetapi memudah akan dia oleh Allah Ta'ala atasnya dan merezeki ia akan dia dengan sabar dengan berkat doa itu.

Melainkan apabila belajar ia akan ilmu bintang- bintang itu qadar barang yang boleh mengetahui dengan dia akan qiblat dan waktu-waktu sembahyang, maka harus yang demikian itu, kerana keadaannya wasilah kepada mengetahuikan kelakuan-kelakuan yang bangsa agama bukan kerana bahawasanya diterima pada dirinya dan dimaksud pada dirinya.

Dan adapun belajarkan ilmu tib yang boleh mengetahui dengan dia akan kelakuan-kelakuan tubuh badan daripada segarnya dan sakitnya, maka iaitu harus, kerana bahawasanya belajarkan ilmu tib itu satu sebab daripada sekalian sebab-sebab. Maka haruslah lebih belajar akan dia, seperti segala sebab-sebab yang lain lagi juga, kerana bahawasanya Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam pun berubat juga.

Dan lagi dihikayatkan daripada Imam kita Asy-Syafi'i Rahimahullahu Ta'ala, bahawasanya berkata ia:

الْعِلْمُ عِلْمَانِ عِلْمُ الْفِقْه للأَدْيَانِ وَعِلْمُ الطَّبِ لِلأَبْدَانِ وَمَا وَرَاءَ ذَلِكَ بُلغَةُ مَجْلِسٍ.

Ertinya: Bermula jenis ilmu itu dua sahaja: Satu: ilmu feqah, bagi membaikkan agama. Kedua: ilmu tib, bagi membaikkan

tubuh-tubuh badan. Dan yang lain daripadanya itu, perhiasan majlis jua.

Dan adapun mentafsirkan mahiyah-mahiyah ilmu dan hakikatnya itu maka iaitu suatu sifat yang nyatalah dan teranglah dengan dia bagi yang mempunyainya oleh perkara-perkara yang disebutkan.

Dan bermula ilmu feqah itu mengetahuikan yang halus-halus daripada ilmu.

Berkata al Imam Abu Hanifah ra:

الفقه معرفة النفس ما لها وما عليها.

Bermula ilmu feqah itu mengetahui seseorang akan barang yang hasil baginya daripada kebajikan dan akan barang yang hasil atasnya daripada kejahatannya.

Dan ini makna terlebih umum daripada makna ilmu feqah yang boleh mengetahui dengan dia akan kelakuan mukallaf-mukallaf.

Dan berkata ia pula:

ما العلم إلا للعمل به، والعمل به ترك العاجل الآجل.

Tidaklah ilmu itu melainkan kerana beramal dengan dia, dan bermula beramal dengan dia itu, meninggalkan yang bersegera bagi yang bertangguh.

Dan dikehendaki dengan yang bersegera itu dunia dan berkerja-kerja dengan segala pekerjaannya. Dan dikehendaki dengan yang bertangguh itu akhirat, yakni syurga dan barang yang padanya daripada pangkat-pangkatnya kerana tiada

mungkin hendak menghasilkan keduanya sama sekali kerana keduanya berlawanan.

Dan bermula akhirat itu kekal selama-lamanya, maka lazimlah meninggalkan yang binasa kerana mengambilkan yang kekal. Maka sayugialah bagi seorang manusia, bahawa tiada lupa ia daripada mengenal dirinya dengan lemah, papa dan binasa. Mengenal barang yang memberi manfaat akan dia daripada ibadat-ibadat dan taat-taat.

Dan mengenal pula barang yang memberi mudharatnya daripada yang keji-keji dan jahat-jahatnya pada dunianya dan akhiratnya, maka mencapai ia akan barang yang memberi manfaatnya.
Hendaklah menjauhi ia akan barang yang memberi mudharat akan dirinya supaya tidaklah aqalnya dan ilmunya itu jadi hujah atasnya. Maka bertambah-tambahlah seksanya, sama-sama kita berlindung dengan Allah Ta'ala daripada murkaNya dan seksaNya.

فصل: في النية في حال التعلم

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN NIAT TATKALA HENDAK BELAJAR DAN MENUNTUT ILMU

Bahawasanya tak dapat tidak bagi yang menuntut ilmu itu daripada berniatnya pada masa menuntutnya kerana bahawasanya niat itu ialah asal pada sekalian kelakuan-kelakuan, kerana sabdanya Shallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بالنيات

Ertinya: Bahawa sesungguhnya amalan-amalan itu mengikut dengan niat-niatnya.

Dan dikatakan:

كَمْ مِنْ عَمَلٍ يَتَصَوَّرُ بِصُوْرَةِ أَعْمَالِ الدُّنْيَا وَيَصِيْرُ بِحُسْنِ النِّيَّةِ مِنْ أَعْمَالِ الآخِرَةِ وَكَمْ مِنْ عَمَلٍ يَتَصَوَّرُ بِصُوْرَةِ أَعْمَالِ الآخِرَةِ ثُمَّ يَصِيرُ مِنْ أَعْمَالَ الدُّنْيَا بِسُوْءِ النية.

Ertinya: Berapa banyak daripada amalan-amalan yang berupa ia dengan rupa amalan-amalan dunia dan jadi ia dengan elok niatnya daripada amalan-amalan akhirat dan berapa banyak daripada amalan-amalan yang berupa ia dengan rupa amalan-amalan akhirat kemudian jadi ia daripada amalan-amalan dunia dengan jahat niatnya.

Dan sayugia bahawa berniat oleh yang menuntut ilmu itu akan keredhaan Allah Ta'ala dan selamat di negeri akhirat dan menghilangkan kejahilan daripada dirinya dan daripada sekalian orang-orang yang jahil-jahil dan akan menghidupkan agama dan mengekalkan Islam, kerana bahawasanya kekal Islam itu dengan ilmu dan tiada sah zuhud dan taqwa itu dengan jahil.

Dan telah bersyair oleh As Syeikh Al Imam Al Ajall Burhanuddin Shohib Al Hidayah akan suatu syair bagi setengah mereka itu.

فساد كبير عالم متهتك * وأكبر منه جاهل متنسك

Bermula fasad yang besar itu orang alim tidak beramal dan terlebih besar daripadanya orang jahil yang berbuat amalan.

هما فتنة للعالمين عظيمة * لمن بهما فى دينه يتمسك

Keduanya itu fitnah yang besar pada alimnya, bagi mereka yang berpegang pada agamanya dengan keduanya.

Maksudnya: Bermula yang jadi fasad dan karut-karut itu ialah orang yang alim yang tidak beramal dengan ilmunya dengan bahawa ia mengerjakan akan pekerjaan-pekerjaan yang menyalahi syara' dan yang keji-kejinya dan tiada dukacita ia daripada takut jadi bacur-bacurnya.

Dan adalah kerana orang yang alim semacam ini sangat-sangat besarnya, kerana bahawasanya tatkala melihat akan dia oleh orang yang jahil-jahil, nescaya tertipu daya mereka itu dan mengikut mereka itu, kerana pada sangka mereka itu betul padahal ia di dalam sesat dan menyesatkan.
Dan yang terlebih besar karut daripadanya orang jahil yang berbuat ibadat yang tiada mengetahui ia akan sahnya dan batalnya, seperti kebanyakan tok-tok tasawwuf pada zaman kita sekarang ini, kerana karut orang pada i'tiqadnya dan amalannya. Maka kedua-duanya itu ialah jadi fitnah yang besar pada dunia kita ini.

Dan sayugia pula bahawa berniat ia dengan menuntut ilmu itu akan kesyukuran atas nikmat aqal dan segar badan. Dan bahawa jangan berniat ia supaya berhadap orang-orang kepadanya dan supaya boleh dapat harta-harta dunia dan mata bendanya pada tangan-tangan orang itu, dan supaya mendapat kemuliaan di sisi sultan dan lainnya daripada pekerjaan-pekerjaan yang bukan ia daripada keredhaan Allah dan RasulNya.

Berkata Muhammad bin al Hasan ra:

لو كان الناس كلهم عبيدي لأعتقتهم وتبرأت عن ولائهم

Jikalau adalah sekalian manusia itu hamba-hambaku, nescaya aku merdeka akan sekalian mereka itu supaya berlepaslah aku akan diriku daripada jadi waris mereka itu.

Dan barangsiapa yang mendapat akan sedap ilmu dan beramal dengan dia, nescaya sedikitlah gemar akan barang yang pada tangan orang-orang.

Telah bersyair bagi kami oleh As Syeikh Al Imam Al Ajall Al Ustaz Qawamuddin Hammad bin Ibrahim bin Ismail As Shaffar Al Anshari akan suatu syair yang dituliskan bagi Abi Hanifah Rahimahullahu Ta'ala:

من طلب العلم للمعاد * فاز بفضل من الرشاد

Barangsiapa yang belajar ilmu bagi tempat kembalinya maka mencapai ia akan kelebihan daripada sebetul-betul atas agamanya.

فيالخسران طالبيه * لنيل فضل من العباد

Maka ayuhai kerugian orang-orang yang belajarnya, bagi mencapaikan kelebihan dari sama-sama hambaNya.

Maksudnya: Barangsiapa yang menuntut dan belajar akan ilmu supaya menghasilkan pahala akhirat, nescaya mencapai ia dan mendapat ia akan kelebihan yang daripada sebetul-betul atas agama yang betul, dan ialah mendapat kelebihan dan kemuliaan. Betapa tidak ia kelebihan padahal ialah yang menyampai kepada beberapa pangkat yang tinggi di dalam beberapa syurga-syurga yang tinggi-tingginya.

Dan apabila adalah belajar ilmu bagi menghasilkan pahala akhirat itu jadi sebab bagi menghasilkan kelebihan, maka hai

kaumku, pandang oleh mu kepada kerugian orang-orang yang belajar dan menuntut ilmu kerana mencapaikan kelebihan-kelebihan daripada sama-sama hamba Allah Ta'ala daripada berhadap mereka itu dan memberi mereka itu akan harta-hartanya.

Melainkan apabila menuntut ia akan kemegahan itu kerana hendak menyuruhkan dengan kebajikan dan menegahkan daripada kejahatan dan meluluskan yang sebenar dan membesarkan dan memenangkan agama bukan kerana nafsunya dan hawanya. Maka harus yang demikian itu sekadar yang jadi dengan dia oleh menyuruhkan dengan kebajikan dan menegahkan yang jahat-jahat itu.

Dan sayugia pula bagi yang menuntut ilmu itu bahawa berfikir-fikir ia pada demikian menuntut-menuntut dan belajar itu kerana bahawasanya menuntut ilmu itu dengan bermacam-macam pintu dan beberapa usaha dan bersungguh-sungguh yang banyak, maka janganlah ia berpaling akan dia kepada ini dunia yang sedikit yang hina yang binasa ini.

Kata syair:

هى الدنيا أقل من القليل* وعاشقها أذل من الذليل

Dunia itu terlebih sedikit daripada yang sedikit-sedikitnya, dan yang rindunya itu lebih hina daripada yang hina-hinanya.

تصم بسحرها قوما وتعمى* فهم متحيرون بلا دليل

Mentuli ia dengan perhiasannya itu akan kaum-kaum dan membutanya, maka mereka itu tercengang-cengang dan terpusing- pusing dengan tiada dalilnya.

Maksudnya: Dan makna mentuli itu, memalingkan mereka itu daripada mendengarkan yang sebenarnya. Dan makna membuta itu, memperlindungkan mereka itu daripada nampakkan yang sebenar daripada pekerjaan-pekerjaannya.

Dan sayugia bagi yang mempunyai ilmu itu bahawa tiada menghina ia akan dirinya dengan tamak dan loba akan barang yang tiada disuruh tamak dan lobanya. Dan bahawa memelihara dan beringat daripada mengerjakan pekerjaan yang jadi kehinaan ilmu dan ahlinya padanya dengan bahawa menghantar ia akan dirinya pada tempat-tempat kehinaan dan keji-keji. Maka bahawasanya memeliharakan daripada ini perbuatan lazim supaya tidak melazimkan menghinakan ilmu dan ahlinya.

Dan bahawa hendaklah ia tawadhu', yakni merendah diri. Dan bermula tawadhu' itu satu kelakuan yang antara takabbur dan hina dan demikian juga 'iffah, yakni terpelihara daripada yang haram. Ia satu kelakuan yang antara takabbur dan hina juga. Diketahuikan yang demikian itu di dalam kitab al Akhlaq.

Telah bersyair oleh As Syeikh Al Imam Al Ajall Al Ustaz Ruknu Al Islam yang dimasyhurkan dengan Al Adib Al Mukhtar akan suatu syair yang hasil maksudnya seperti ini:

إن التواضع من خصال المتقى* وبه التقى إلى المعالى يرتقى

Bahawasanya tawadhu' itu ialah baginya setengah daripada sifat-sifat orang yang takut kepada Allah Ta'ala dan dengan dialah naik oleh orang yang takut kepada Allah Ta'ala itu kepada beberapa pangkat yang tinggi-tinggi.

ومن العجائب عجب من هو جاهل * فى حالة أهو السعيد أم الشقى

Dan setengah daripada benda-benda yang menghairankan itu adalah orang jahil, yang tidak mengetahui ia akan keadaannya, adakah ia bahagia atau celaka.

أم كيف يختم عمره أو روحه * يوم النوى متسفل أو مرتقى

Atau macam manakah disudahi akan umurnya atau ruhnya, pada hari kebinasaan esok ke bawahkah atau ke ataskah.

والكبرياء لربنا صفة له * مخصوصة فتجنبها واتقى

Dan bermula takabbur itu satu sifat yang ditentukan dengan Tuhan kita jua, maka jauhi olehmu akan dia dan takut olehmu daripadanya.

Berkata al Imam Abu Hanifah ra bagi ashabnya:

عظموا عمائمكم ووسعوا أكمامكم

Membesar olehmu akan serban-serban kamu dan meluas olehmu akan tangan-tangan baju kamu."

Dan hanya sesungguhnya berkata ia demikian itu supaya tiada diringan-ringankan dengan ilmu dan yang mempunyainya.

Dan sayugia bagi yang menuntut ilmu itu bahawa mencari boleh akan kitab al Washiyah yang menuliskan dia oleh Abu Hanifah bagi Yusuf bin Khalid as Simti pada ketika pulang ia pada ahlinya, hendaklah mendapatkannya oleh mereka yang menuntut ilmu.

Dan adalah tuan guru kami as Syeikh Al Imam Burhanuddin Ali bin Bakar ra menyuruh ia akan daku dengan menyurat akan dia pada ketika pulang aku kepada negeriku. Maka menyurat aku akan dia, dan tak dapat tidak bagi guru-guru dan tok-tok mufti pada kerja-kerja buat serta manusia itu guna akan dia.

فَصْلٌ: فِي اخْتِيَارِ الْعِلْمِ وَالْأُسْتَاذِ وَالشَّرِيْكِ وَالثَّبَاتِ عَلَيْهِ

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN MEMILIHKAN ILMU DAN GURU DAN TAULAN DAN MENYATAKAN KETETAPAN ATAS ILMU

Dan sayugia bagi yang menuntut ilmu itu bahawa memilih ia daripada tiap-tiap ilmu itu akan yang terlebih eloknya dan yang dihajatkan kepadanya pada pekerjaan agamanya pada ketika sekarang dan yang dihajatkan kepadanya pada masa lagi akan datang.

Dan bahawa hendaklah mendahului ia akan ilmu Tauhid dan mengenal ia akan Allah Ta'ala dengan dalil, kerana bahawasanya iman orang yang taqlid itu dan jika ia sohih di sisi kita sekalipun tetapi adalah ia berdosa dengan meninggalkan mengambil dalil-dalilnya.

Berkata mereka itu, yakni ulama'-ulama':

عليكم بالعتيق وإياكم بالمحدثات

Lazimkan olehmu dengan ilmu-ilmu zaman dahulu dan jauhi olehmu akan yang baharu-baharu ini.

Iaitu ilmu daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan sahabat-sahabatnya dan tabi'in-tabi'innya. Jangan ilmu-ilmu yang bangsa muhdatsat, iaitu diadakan dia baru-baru ini jua lagi menyalahi ajaran Nabi Shallallahu 'alaihiwasallam

Dan jauhi olehmu pula daripada bahawa sebuk berbantah-bantahan dan berlawan yang zahir ia kemudian daripada keputusan ulama'-ulama' yang besar-besar, kerana bahawasanya pada ketika itu menjauhi oleh yang menuntut ilmu akan ilmu feqah, yang ialah yang terlebih mulia sekalian ilmu-ilmu dan mensia-sia ia akan umurnya bagi memerintahkan dia kepada barang yang tiada dicita-cita akan dia dan mempusakai ia akan liar biadab dan musuh.

Dan berseteruan dengan sebab banyak berbantah-bantahnya walhal yang demikian itu setengah daripada alamat-alamat qiamat dan alamat kehilangan ilmu dan feqah, seperti barang yang datang pada hadith.

Dan adapun memilih guru, maka sayugianya bahawa memilih ia akan yang terlebih alim dan terlebih wara' dan terlebih tua, seperti bahawa memilih oleh Abu Hanifah ra pada ketika itu akan Imam Hammad bin Abi Sulaiman ra, kemudian daripada diamat-amati dan berfikir-fikir dan berkata al Imam Abu Hanifah Rahimahullahu Ta'ala: Aku dapat akan dia Syeikh yang besar lagi berhemat lagi banyak sabar.

Dan berkata ia pula: Tetap aku di sisi Imam Hammad bin Abi Sulaiman, maka tumbuh aku dan subur seperti tumbuh dan subur tanaman-tanaman.

Dan berkata ia pula: Aku dengar akan satu hakim daripada hukama'-hukama' Samarqandi, berkata ia "Bahawasanya satu

orang daripada penuntut-penuntut ilmu berjumu' kira (berhimpun, mengira dan berbincang) dan mesyuarat ia akan daku pada menuntut ilmu dan adalah azamnya atas hendak pergi kepada Bukhara kerana menuntut ilmu. Jawab hakim: Apabila engkau pergi kepada Bukhara, jangan engkau bersegera-segera kepada pergi datang kepada ulama'-ulama' dan guru-guru dan berhenti olehmu di dalam dua bulan hingga engkau amat-amati. Dan engkau memilih akan satu guru, kerana bahawasanya engkau pergi kepada satu orang yang alim.

Dan memulai engkau dengan potongan bacaan, nescaya barangkali juga tiada menyukai akan dikau oleh ilmunya dan kelebihannya dan pengajarannya. Maka engkau tinggal akan dia dan engkau pergi kepada yang lain pula, maka tiada berkat bagi engkau pada pelajaran itu, maka amat-amati olehmu pada dua bulan pada memilihkan guru dan musyawarah olehmu hingga tiada engkau berhajat kepada meninggalkan dia dan berpaling daripadanya. Maka tetap engkau di sisinya supaya adalah pelajaran engkau itu diberkatkan dan dapat manfaat engkau dengan ilmu engkau akan manfaat yang banyak.

Dan demikianlah sayugia bahawa diberjumu' kira dan mesyuarat pada tiap-tiap pekerjaan kerana bahawasanya Allah Ta'ala menyuruh ia akan RasulNya Shallallahu 'alaihi wasallam dengan mesyuarat pada sekalian pekerjaan, walhal tidak ada seorang terlebih cerdik dan bijaksana daripadanya dan serta yang demikian itu disuruhkan dia juga dengan mesyuaratnya dan adalah ia bermesyuarat akan sahabat-sahabatnya pada sekalian pekerjaannya sehingga pekerjaan-pekerjaan yang dihajat-hajatkan pada rumahpun dimesyuarat juga.

Berkata Saiyidina Ali Karamallahu wajhah:

ما هلك امرؤ عن مشورة

Tiada binasa seorang kemudian daripada berjumu' kira dan mesyuarat.

Dikatakan, bahawasanya manusia-manusia itu tiga macam: Cukup satu laki-laki dan setengah laki-laki dan tiada apa-apanya.
Maka yang "cukup satu laki-laki" itu, mereka yang ada baginya pandangan yang betul dan bermesyuarat ia. Dan yang keduanya yang "setengah laki-laki " itu mereka yang ada baginya pandangan yang betul dan tetapi tiada bermesyuarat ia atau bermesyuarat ia dan tiada ada baginya pandangan. Dan yang ketiga, yang "tiada apa-apa" itu, mereka yang tiada ada baginya pandangan dan tiada bermesyuarat ia.

Dan berkata Ja'afar as Shadiq bagi Sufyan as Tsauri Rahimahullahu Ta'ala:

﴿شاور فى أمرك الذين يخشون الله تعالى﴾

Bermesyuarat olehmu pada pekerjaan engkau serta orang-orang yang takut mereka itu akan Allah Ta'ala.

Dan bermula menuntut ilmu itu setengah daripada setinggi-tinggi pekerjaan-pekerjaan dan yang sepayah-payahnya. Maka adalah bermesyuarat padanya terlebih cita-cita dan terlebih wajib.

Dan ketahui olehmu, bahawasanya sabar dan tetap itu lunas yang besar pada sekalian pekerjaan dan tetapinya yang demikian itu sedikit ada, seperti dikatakan syair:

لكل إلى شأو العلا حركات * ولكن عزيز فى الرجال ثبات

Bagi tiap-tiap seorang itu berlumba-lumba kepada ketinggiannya dan tetapi ketetapan itu sedikit dapat pada laki-lakinya.

Dan ditanya apa itu berani ? maka dijawab bermula berani itu sabar seketika, yakni berani itu bukanlah ia dengan kuat badan dan gagahnya dan tetapinya berani itu ialah sabar dan tahan hati atas beberapa kepayahan dan beberapa kesakitan.

Maka sayugialah bagi penuntut ilmu itu bahawa:
Tetap ia dan sabar atas Tuan Guru dengan tetap di sisinya dan tiada berpaling daripadanya.

Dan sabar dan tetap pula atas kitab-kitabnya hingga khatam ia akan dia supaya tiada meninggal ia akan dia hal keadaannya terpotong dan kekurangan.

Dan sabar tetap pula atas ilmu-ilmu sehingga tiada masuk ia pada ilmu yang lain dahulu daripada dapat dan tetap lagi mahir pada ilmu yang pertama.

Dan tetap sabar pula atas negeri sehingga tiada berpindah ia kepada negeri yang lain dengan ketiadaan hajat, kerana bahawasanya sekaliannya itu mencerai-cerai ia akan pekerjaan-pekerjaan dan mengendala ia akan hati dan mensia-sia ia akan waktu-waktu dan menyakiti ia akan Tuan Guru.

Dan sayugia pula bahawa sabar ia daripada barang yang berkehendak akan dia oleh nafsu-nafsunya dan hawanya.

Kata syair:

إن الهوى لهو الهوان بعينه * وصريع كل هوى صريع هوان

Bahawasanya hawa itu ialah diri kehinaan dengan ainnya dan kekalahan tiap-tiap hawa itu ialah kekalahan kehinaannya.
Maksudnya: Bahawasanya hawa, angin dan rindu dendam itu ialah ain kehinaan dan lekeh. Dengan makna, bahawasanya hawa nafsu itu menjatuh ia akan tuannya pada kehinaan-kehinaan dengan mengerjakan sekalian kehendak-kehendak nafsu yang membawa ia kepada kehinaan dan kelekehan.

Dan bahawasanya kekalahan tiap-tiap hawa nafsu itu ialah kekalahan bagi tiap-tiap kehinaan dan kelekehan. Dengan makna, bahawasanya tiap-tiap mereka yang mengalah akan dia oleh hawa nafsu dan mengerasi ia akan dia itu tentu mengalah akan dia oleh kehinaan dan kelekehan dan mengerasi ia akan dia. Maka jadilah ia itu yang dikejikan di sisi orang-orang dan yang diingkarkan tiap-tiap pekerjaannya.

Dan sayugia pula bahawa sabar ia atas kepenatan-kepenatan dan sekalian bala'-bala' yang zahir ia atasnya pada jalan-jalan ilmu dan pelajarannya. Dikatakan "gedung-gedung" maksud itu di atas laut-laut kepenatan, dengan makna bahawasanya "gedung-gedung" sekalian maksud-maksud itu melengkapi ia atas beberapa kepenatan yang banyak. Maka barangsiapa yang berkehendak bahawa menghasil ia akan dia dan mendapat akan dia tiada dapat tiada baginya daripada bahawa sabar ia atas beberapa kepenatan yang banyak, membaca aku akan suatu syair, dikatakan bahawasanya ia bagi Saiyidina Ali Karamallahu wajhah.

ألا لن تنال العلم إلا بستة * سأنبيك عن مجموعها ببيان

Ketahui olehmu tiada mencapai engkau akan ilmu melainkan dengan enam kerja, lagi aku mengkhabarkan akan dikau dari perhimpunannya dengan nyata dan terang.

ذكاء وحرص واصطبار وبلغة * وإرشاد أستاذ وطول زمان

Cerdik dan loba dan kuat sabar dan cukup belanja; dan pertunjukkan guru dan panjang masa jangan kurang.
Maksudnya: Jaga-jaga olehmu dan ketahui olehmu bahawasanya tiada mendapat engkau akan ilmu dan tiada sampai engkau kepadanya melainkan dengan enam perkara. Lagi akan aku mencerita akan dikau daripada perhimpunannya dengan nyata dan terang, iaitu:
1.Cerdik dan bijaksana.
2.Loba atas menghasilkan dia.
3.Kuat sabar dan tahan hati atas sekalian kepenatan-kepenatan dan bala'-bala'nya dan percubaannya.
4. Cukup belanja daripada kehidupannya dengan sekira-kira tiada berhajat ia pada pekerjaan rezeki itu kepada orang lainnya, kerana bahawasanya berhajat itu membosankan hati, maka tiada dapat menghasilkan ilmu dan kemuliaan.
5. Pertunjukkan guru atas jalan yang betul.
6.Panjang masa dan lamanya supaya menghasil ia akan ilmu, kerana bahawasanya muqaddimah-muqaddimahnya dan mabadinya banyak sangat tiada hasil ia dengan sekurang masa dan sedikitnya.

Kata perhamba, bahawasanya dihikayatkan perkataan Tuan Guru Ahyad yang ada mengajar di dalam Masjidil Haram sekarang: "Bahawasanya dua puluh tahun itu belum lama dan panjang masa lagi."

Dan dihikayatkan pula perkataan as Saiyid Amin daripada ulama Arab yang ada mengajar di dalam Masjidil Haram juga

sekarang: "Bahawasanya sekurang-kurang masa menuntut ilmu itu empat puluh tahun."

Maka nyatalah daripada ini bahawasanya kebanyakan orang-orang sekarang yang menuntut di dalam empat lima tahun atau lapan tahun atau sepuluh atau lima belas tahun dan mendakwa ia akan dirinya alim dan meninggal ia akan ijtima' dan berjumu' kira (berhimpun, mengira dan berbincang) pada menghukumkan suatu-suatu hukum, istimewa pula mendakwakan dirinya mujtahid dan mustanbath daripada al Quran dan hadith sendiri, maka iaitu semata-masa hawa akas jua tiada suatu apa-apa pada hakikatnya.

Dan adapun memilihkan taulan dan sahabat yang di dalam menuntut itu, maka sayugia bahawa memilih ia akan yang kepandaian lagi yang kuat berusaha kepadanya dan akan yang wara', yakni yang pelihara ia daripada perkara-perkara yang diharamkan.

Bukan dikehendak dengan wara' itu yang murung dan lalai, seperti menyangka kebanyakan manusia-manusia sekarang hanya murung dan lalai itu suatu percelupan jua. Maka terkadang didapatkan hakikatnya tembaga sahaja bukan emas. Demikianlah kelakuan barang celup yang kebanyakan didapatkan zaman sekarang ini.

Dan sayugia pula memilih taulannya itu akan yang mempunyai tabiat dan perangai yang betul dan yang menuntut faham dan mengerti.

Dan sayugia bahawa lari ia daripada bertaulan dengan orang yang pemalas dan sembang pada pekerjaan, yakni lambat dan yang banyak cakap dan yang suka memfasidkan orang-

orang dan yang suka membuat-buat fitnah di antara manusia-manusia.

Kata syair:

عن المرء لا تسأل وأبصر قرينه * فإن القرين بالمقارن يقتدى

Jangan engkau tanya daripada hal seseorang dan pandang olehmu kepada taulannya kerana bahawasanya yang bertaulan itu mengikut ia akan taulannya.

فإن كان ذا شر فجنبه سرعة * وإن كان ذا خير فقارنه تهـــتدى

Maka jika adalah ia yang mempunyai kejahatan, maka jauh olehmu dan jika ia mempunyai kebaikan, maka bertaulan olehmu, maka dapat engkau petunjuknya.

Maksudnya: Apabila engkau hendak mengetahuikan kelakuan seseorang, adakah ia soleh atau jahat, maka jangan bertanya engkau demikian itu, hanya pandang olehmu kepada taulannya dan saingnya hingga engkau dapat tahulah akan kelakuannya, apa-apa kelakuannya.
Kerana bahawasanya, seseorang yang berkawan itu mengikut ia akan taulannya pada sekalian kelakuannya dan perbuatannya. Maka apabila nyatalah bagi engkau bahawasanya seseorang itu mempunyai kejahatan dan kekejian, maka jauh olehmu akan dia daripada diri engkau dengan segeranya dahulu daripada bahawa memberi bekas oleh kejahatannya pada zat engkau dan pada amalan engkau.

Dan jika nyata bagi engkau bahawasanya seorang itu mempunyai kebaikan dan kebajikan, maka bertaulan olehmu akan dia dan berkawanlah supaya dapat petunjuk dengan dia. Kerana bahawasanya bertaulan dan berkawan itu sangat-sangat memberi bekas, maka memberi bekaslah pada engkau

oleh bekas-bekasan amalannya dan sekalian manfaatnya-manfaatnya.

Membaca aku akan syair, iaitu:

لا تصحب الكسلان فى حالته * كم صالح بفساد آخر يفسد

Jangan engkau bertaulan akan yang pemalas pada sekalian kelakuan-kelakuannya, beberapa banyak yang baik-baik jadi jahat dengan jahat yang lainnya.

عدْوَى البليد إلى الجليد سريعةٌ * كالجمر يُوضع فى الرماد فيخمدُ

Mesra yang bodoh kepada yang cerdik itu bersegera-segeranya seperti bara api yang dihantar ke dalam abu maka segera matinya.

Maksudnya: Jangan engkau bertaulan akan yang pemalas pada sekalian kelakuannya dan sekalian
waktu-waktunya, kerana beberapa banyak daripada orang-orang yang baik jadi fasad dan jahat dengan sebab fasad dan jahat orang yang lainnya.
Bahawasanya fasad dan jahat itu memberi bekas pada wujudnya dengan sebab bertaulan.

Maka memfasid ia akan dia lagi pula mesra bodoh orang yang bodoh kepada seorang yang pandai lagi yang beraqal dan cerdik itu bersegera sangat, seperti bersegera-segera mati bara api yang dihantarkan dia kepada batin abu.
Dengan makna bahawasanya, seperti bahawa segera bara api jadi arang apabila dihantarkan dia ke dalam abu. Maka demikian jua bersegera jadi bodoh orang yang cerdik apabila bertaulan ia akan yang bodohnya dengan sebab bertaulan yang sangat memberi bekas itu.

Dan bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

كُلُّ مَوْلُوْدٍ يُوْلَدُ عَلَى فِطْرَةِ الإِسْلَامِ إِلَّا أَنْ أَبْوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ وَيُنَصِّرَانِهِ وَيُمَجِسَانه

Ertinya: Bermula tiap-tiap anak itu diperanakkan dia atas kejadian Islam melainkan bahawasanya dua ibu-bapanya menarik keduanya akan dia kepada agama Yahudi dan agama Nasrani dan agama Majusi.

Maka tsabitlah dengan ini hadith bahawasanya bertaulan dan berkawan itu memberi bekas. Kerana jikalau tidak begitu, nescaya sekalian manusia ini baik semuanya kerana kejadian dan perangai yang menjadi oleh Allah Ta'ala akan manusia-manusia atasnya itu sejahtera daripada fasad dan celaka.

Dikatakan pada al Hikmah dengan lughah Farisiyyah kemudian diterjemahkan kepada lughah Arabiyyah kemudian kepada lughah Malayu, iaitu

باربد بدتر بود ازماربد * بحق ذات باك الله الصمد

Bahawasanya taulan yang jahat itu terlebih jahat daripada ular yang jahatnya, aku bersumpah dengan sebenar zat Allah Ta'ala yang nama as Shamad dan Maha SuciNya.

باربد ازدترا سوى حجيم* بار نيكوكير نابى نعيم

Taulan yang jahat itu mendatangkan engkau kepada pihak neraka Jahim, ambil olehmu akan taulan yang baik nescaya engkau dapat dengan sebabnya syurga Na'im.

Dan dikatakan di dalam syair :

إن كنتَ تبغي العلم وأهله * أو شاهدا يخبر عن غائب

Jika engkau kehendak akan ilmu daripada ahlinya atau yang memandang mengkhabarkan daripada yang ghaib- ghaibnya.

فاعتبرِ الأرضَ بأسمائها * واعتبر الصاحبَ بالصاحب

Maka i'tibar olehmu akan bumi dengan nama-namanya dan i'tibar olehmu akan taulan dengan taulannya.
Maksudnya: Jika engkau kehendakkan ilmu dan kehendakkan mengetahui apa-apa barang daripada ahlinya atau engkau kehendakkan bahawa adalah engkau itu seorang yang mempunyai pandangan yang menceritakan dan mengkhabarkan daripada benda-benda yang ghaib-ghaib, maka fikir olehmu dan i'tibar olehmu, seperti engkau fikir dan i'tibar daripada kelakuan bumi daripada nama-namanya.

Kerana bahawasanya bumi manakala ia:
Mempunyai tanaman-tanaman padi semata-mata serta mengandungi airnya, maka namanya bendang.

Dan jika ia mempunyai pohon-pohon kayu dan umpamanya yang tiada pernah dipotong akan dia, maka namanya cerang.

Dan jika adalah pohon-pohon kayu dan umpamanya itu ada banyak kemudian daripada dipotongnya dan ditebasnya, maka namanya belukar.

Dan jika ia mempunyai sayur-sayuran dan timun-timun dan kacang ketola dan umpamanya serta tiada mengandungi airnya, maka namanya kebun atau huma.

Demikianlah dikatakan.

Maka apabila berkata seorang; "bagiku bendang", nescaya diketahui bahawa ada baginya bumi yang bertanam padi

semata-mata serta ada airnya. Dan jika berkata ia; "bagiku cerang", maka diketahui ada baginya bumi yang ada padanya pohon-pohon kayu yang besar-besar dan umpamanya yang belum pernah ditebas tebang akan dia. Dan jika berkata ia; "bagiku belukar", nescaya diketahui ada baginya bumi yang ada padanya pohon-pohon kayu yang jadi banyak kemudian daripada tebas tebang akan dia. Demikianlah dikatakannya.

Maka demikianlah juga engkau mengambil i'tibar dan fikir pada apa-apa barang juapun.
Demikian juga engkau berfikir dan i'tibar akan seorang yang hendak dijadikan dia taulan itu dengan mengetahuikan kelakuan taulannya, jika ia alim, maka alim dan jika ia jahil, maka jahil. Demikianlah ghalibnya.

فَصْلٌ: فِي تَعْظِيمِ الْعِلْمِ وَأَهْلِهِ

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN MEMBESARKAN ILMU DAN AHLINYA

Ketahui olehmu, bahawasanya penuntut ilmu itu tiada mendapat ia akan ilmu dan tiada manfaat ia dengan dia melainkan dengan membesarkan ilmu dan ahlinya dan membesarkan guru dan memuliakan dia.

Dikatakan:

ما وصل من وصل إلا بالحرمة وما سقط من سقط إلا بترك الحرمة

Tiada sampai oleh yang sampai melainkan dengan hormat dan tiada gugur oleh yang gugur melainkan dengan meninggalkan hormat.

Yakni; tiada sampai oleh mereka yang sampai kepada yang dituntuti barangmana tuntut ia melainkan dengan memuliakan guru, ilmu dan lain daripada keduanya daripada barang yang baginya kemasukkan pada menghasilkan yang dituntuti. Dan tiada gugur oleh mereka yang gugur daripada pangkat-pangkat yang tinggi-tinggi melainkan dengan meninggalkan memuliakan yang tersebut itu dan membesarkan dia.

Dikatakan pula, memuliakan akan yang tersebut itu terlebih baik daripada taat. Adakah tiada engkau ketahui bahawasanya manusia tiada jadi kufur ia dengan mengerjakan maksiat dan hanya sesungguhnya jadi kufur ia dengan meninggalkan memuliakan dengan meninggalkan suruhan Allah Ta'ala dan tegahanNya. Dengan makna, meringan-ringan akan dia dan menghina akan dia. Dan bermula meringan-ringankan dan menghinakan keduanya itu kufur semata-mata.

Dan setengah daripada membesarkan ilmu itu membesarkan gurunya.

Berkata Saiyidina Ali Karamallahu wajhah:

أنا عبد من علمنى حرفا واحدا، إن شاء باع، وإن شاء استرق

Bermula aku hamba bagi mereka yang mengajar ia akan daku akan huruf yang satu jika ia kehendak menjual ia dan jika ia kehendak memerdeka ia dan jika ia kehendak membuat khadam ia.

Telah bersyair Amirul Mu'minin Ali Karamallahu wajhah pada demikian itu dengan katanya:

رأيتُ أحقَّ الحقِّ حقّ المعلم * وأوجبَه حفظا على كل مسلم

Telah melihat aku akan yang terlebih kuat hak itu hak adalah Tuan Gurunya dan terlebih wajibnya atas tiap-tiap Muslim memeliharanya.

لقد حقَّ أن يهدى إليه كرامةً * لتعليم حرف واحد ألفُ درهم

Sesungguhnya wajib bahawa di hadiah kepadanya akan pemberiannya, bagi mengajarkan huruf yang satu itu akan seribu dirhamnya.

Demi Allah, sungguhnya tsabitlah dan wajiblah bahawa dihadiahkan kepadanya sekadar seribu dirham bagi kerana mengajarkan huruf yang satu jua, kerana membesarkan dia dan memuliakan dia.
Kerana bahawasanya mereka yang mengajar akan dikau akan satu huruf daripada barang yang engkau berhajat kepadanya pada pekerjaan agama, maka iaitu bapa engkau pada agama.

Dan adalah Tuan Guru kami as Syeikh Sadiduddin as Syirazi ra berkata ia masyayeikh-masyayeikh kami: Barangsiapa yang berkehendak ia bahawa adalah anaknya alim, maka sayugia bahawa mera'i ia akan orang-orang dagang daripada ulama'-ulama' feqah. Dan memulia ia akan mereka itu. Dan membesar ia akan mereka itu. Dan memberi ia akan mereka itu akan suatu daripada hartanya.

Maka jika tiadalah anaknya alim, maka adalah cucunya alim. Maka zahirlah daripada ini bahawasanya membesarkan dan

memuliakan akan ulama' itu suatu pekerjaan yang maqbul dan yang memberi faedah.

Dan setengah daripada membesarkan Tuan Guru itu, bahawa tiada berjalan ia di hadapannya.
Dan tiada duduk ia pada tempatnya. Dan tiada memulai ia akan bercakap-cakap melainkan dengan izinnya.
Dan tiada membanyak ia akan cakapan di sisinya. Dan tiada menanya ia akan suatu pada ketika jemunya. Dan memelihara ia akan waktu yang dita'yin akan dia bagi mengajarnya. Dan tiada memukul-mukul ia akan pintu rumahnya bahkan sabar ia hingga keluar oleh gurunya.

Kerana bahawasanya sekalian perkara-perkara ini semuanya mencedera ia dalam membesarkan gurunya.
Maka hasilnya dan pendeknya, bahawasanya menuntut ia akan keredhaan gurunya dan menjauh ia akan kemurkaannya dan menjunjungkan ia akan suruhannya pada yang lain daripada maksiat Allah Ta'ala, kerana tiada ada taat bagi makhluk pada maksiatkan Khaliq. Makna akan sabda Nabi saw

إن شر الناس من يذهب دينه لدنيا بمعصية الخالق

Sesungguhnya sejahat-jahat manusia adalah mereka itu yang hilang agamanya kerana dunia dengan sebab memaksiatkan ia akan Khaliq

Dan setengah daripada membesarkan dia itu membesarkan anak-anaknya dan mereka-mereka yang bersangkut-paut dengan dirinya, sama ada bersangkut paut itu dengan nasab atau sebab.

Dan adalah Tuan Guru kami As Syeikh Al Islam Burhanuddin Sohib Al Hidayah menghikayat ia, bahawasanya satu orang daripada yang sebesar-besar daripada aimmah-aimmah Bukhara adalah ia duduk pada tempat mengajar, yakni adatnya demikianlah. Dan adalah ia berdiri pada tengah-tengah mengajar beberapa waktu, dan bertanya mereka itu daripadanya dan berkata ia bahawasanya anak Tuan Guruku bermain-main ia serta budak-budak pada tengah jalan dan datang ia pada setengah-setengah ketika kepada pintu masjid. Maka apabila aku lihat akan dia nescaya aku berdiri baginya kerana membesarkan bagi guruku yang ialah Qadhi Al Imam Fakruddin Al Arsabandi adalah ia jadi ketua bagi aimmah-aimmah di negeri Marwa.

Dan adalah sultan pada zamannya memulia ia akan dia sehabis-habis memuliakan. Dan adalah qadhi itu berkata ia: "Sungguhnya aku dapatkan akan ini pangkat dengan sebab memuliakan guru, kerana bahawasanya adalah aku berkhidmat akan guruku Tuan Qadhi Aba Yazid Ad Dabbusi, dan adalah aku berkhidmat akan dia dan aku memasak akan makanannya, walhal tiada makan aku daripadanya hanya memasak aku itu semata-mata kerana membesarkan dia dan memuliakan dia jua.

Dan as Syeikh Al Imam Ajall Syamsi Aimmah Al Halawani, sungguhnya keluar ia daripada Bukhara dan berhenti ia pada setengah daripada kampung-kampung di sana pada beberapa hari dengan sebab jatuh baginya suatu perkara yang menyebabkan baginya pada keluaran dari negeri kepada kampung itu. Dan menziarah akan dia oleh sekalian murid-muridnya yang selain daripada as Syeikh Al Imam Al Qadhi Abi Bakar Az Zarnujiy, maka berkata ia baginya pada ketika berjumpanya akan dia: "Kerana apa engkau tidak ziarah akan

daku?" Maka jawab ia "Adalah aku masyghul dan ralib dengan berkhidmat akan anak." Berkata ia: "Direzeki akan dikau dengan umur dan tiada rezeki akan dikau dengan perhiasan mengajar dan keelokkannya."

Tiba-tiba Tuan Qadhi ini jadi seperti itu sungguh, kerana bahawasanya ia pada kebanyakan waktu-waktunya, duduk ia pada kampung-kampung dan tiada peraturan baginya oleh mengajarnya.

Maka barangsiapa yang tersakiti daripadanya oleh gurunya, nescaya diharamkan berkat ilmu dan tiada manfaat ia daripadanya melainkan sedikit-sedikit sahaja.

Kata syair:

إن المعلم والطبيب كلاهما* لا ينصحان إذا هما لم يكرما

Bahawasanya guru dan tobib itu tiap-tiap keduanya tiada memberi nasihat apabila tiada dimuliakan keduanya.

فاصبر لدائك إن جفوت طبيبه* واقنع بجهلك إن جفوت معلما

Maka sabar oleh engkau bagi penyakit engkau jika terasing engkau daripada tobibnya dan memadai oleh engkau dengan jahil engkau jika terasing engkau daripada gurunya.

Kerana bahawasanya, keduanya itu tiada kasih sayang ia akan keduanya pada ketika itu. Dan jika engkau terasing guru, maka memadai oleh engkau dengan jahil engkau itu. Kerana bahawasanya apabila terasing engkau daripadanya, nescaya tiada mencita-cita ia pada mengajar akan dikau, maka tiada manfaat akan dikau oleh pengajarannya, maka kekal engkau

di dalam jahil jua. Demikian juga tobib, apabila terasing oleh yang sakit daripadanya, maka hendaklah sabar ia atas sakitnya dan janganlah keluh-kesah lagi kerana tiada manfaat padanya oleh ikhtiar tobibnya.

Dan dihikayatkan bahawasanya Al Khalifah Harun Ar Rashid di Baghdad menghantar ia akan anaknya kepada Al Ashma'i, supaya mengajar ia akan dia akan ilmu adab dan ilmu lainnya. Maka melihat Al Khalifah akan as Syeikh Al Asma'i pada satu hari, berwudhu' ia dan membasuh ia akan kakinya, walhal anak tuan Al Khalifah mencucur ia akan air atas kakinya, maka mencerca Al Khalifah pada demikian itu maka berkata ia: "Sesungguhnya menghantar aku akan dia kepada engkau supaya engkau mengajar akan dia dan memperbuat akan dia, maka kerana apa engkau tiada menyuruh akan dia dengan bahawa mencucur ia akan air dengan salah satu daripada dua tangannya dan menggosok ia dengan yang satu lagi akan kaki engkau?" Maka tsabitlah dengan ini bahawasanya membesarkan guru itu lazim dan mesti.

Dan setengah daripada membesarkan ilmu itu, membesarkan kitab yang ia muthalaah akan dia dan mengaji ia daripadanya. Maka sayugia bagi penuntut ilmu itu bahawa tiada mengambil ia akan kitab melainkan dengan ada wudhu'.

Dan dihikayatkan daripada As Syeikh Al Imam Syams al Aimmah Al Halawaniy, bahawasanya berkata ia:

إنما نلت هذا العلم بالتعظيم فإني ما أخذت الكاغد إلا بطهارة

Sungguhnya mencapai aku akan ini ilmu dengan membesarkan, kerana bahawasanya tiada aku mengambil akan kertas melainkan dengan berwudhu'.

Dan bahawasanya As Syeikh Al Imam Syamsul Aimmah As Sarkhasiy adalah ia sakit perut dan adalah ia mengulang-ulangkan akan pengajarannya yang ia muthalaah akan dia pada satu malam, maka berwudhu' ia pada demikian itu malam 17 kali, kerana bahawasanya tiada mengulang-ulang ia melainkan dengan berwudhu'.

Bermula kenyataan yang demikian itu, kerana bahawasanya ilmu itu nur dan wudhu' itupun nur. Maka bertambah tambahlah oleh nur ilmu dengan nur wudhu' itu.

Dan setengah daripada membesarkan kitab yang wajib itu bahawa tiada melunjur ia akan kakinya kepada kitab dan bahawa menghantar ia akan kitab-kitab tafsir di atas sekalian kitab-kitab yang lain kerana membesarkan dia dan bahawa tiada menghantar ia atas kitab-kitab akan suatu yang lain.

Dan adalah Tuan Guru kami Burhanuddin menghikayat ia daripada satu Syeikh daripada segala masyayeikh-masyayeikh, bahawasanya satu alim feqah adalah ia menghantarkan botol dakwat atas kitab, maka berkata ia baginya dengan lughah Farisiyyah برنيايي : Ertinya: "Tiada mendapat engkau akan manfaat daripada ilmu engkau.

Dan adalah Tuan Guru kami Al Qadhi Al Ajall Fakhru Al Islam, yang dimasyhurkan dengan Qadhi Khan, berkata ia: Jika tiada kehendak dengan demikian itu aku meringan-ringankan dan menghina-hinakan, maka tiada mengapa dengan yang demikian itu tetapi yang aulanya bahawa memelihara ia daripadanya.

Dan setengah daripada membesarkan yang tersebut itu pula, bahawa mengelok ia akan menyurat kitab, dan bahawa tiada

mengkecil ia akan dia akan sebagai kecil yang tiada nyata. Dan bahawa meninggal ia akan menyurat di tepi serta dikecil akan dia melainkan pada ketika berhajat yang berkehendak kepada dituliskan di tepi-tepi kitab, maka tiada mengapa.

Dan telah melihat al Imam Abu Hanifah akan seorang yang mengecilkan akan suratannya, maka berkata ia:

لا تقرمط خطك، إن عشت تندم وإن مت تشتم

Jangan engkau mengecilkan suratan engkau, kerana bahawasanya jika engkau hidup nescaya sesal engkau dan jika engkau mati nescaya dimaki akan dikau.

Yakni memaki akan dikau oleh mereka-mereka yang membacanya. Dan jika hidup engkau dan jadi tua dan dhaif penglihatan matanya, nescaya menyesal engkau atas perbuatan engkau itu, kerana bahawasanya engkau tersakiti daripada membacanya pada waktu itu.

Dan dihikayatkan daripada As Syeikh Al Imam Majduddin as Shorahki ra, bahawasanya berkata ia:

ما قرمطنا ندمنا، وما انتخبنا ندمنا، وما لم نقابل ندمنا

Barang yang mengecil kami, sesal kami dan barang yang memilih kami, sesal kami. Dan barang yang tiada membanding kami, sesal kami.

Maksudnya: Suratan-suratan yang kami mengecil akan dia jadi sesal kami atasnya. Dan masa-masa yang kami memilih akan dia dan menyimpan akan dia jadi sesal kami atasnya, kerana beberapa banyak dan banyak sangat yang kami berhajat kepada tafshil-tafshilnya. Dan bermula kitab-kitab yang kami tiada banding akan dia dan adu akan dia dengan

yang lainnya yang sohihnya jadi sesal kami atasnya juga kerana sekalian perkara-perkara ini semuanya memberi mudharat cedera bagi muthalaah kami dan mencacatkan akan fahamkan maksud-maksud kami.

Dan sayugia bahawa adalah mengerat akan kitab itu akan keratan empat persegi kerana yang demikianlah keratan yang memilih akan dia oleh al Imam Abu Hanifah ra, dan ialah terlebih mudah kepada mengangkatkan dan meletakkan dan muthalaah.

Dan sayugia bahawa tiada ada pada kitab itu suatu dari pada warna merah, kerana bahawasanya yang demikian itu daripada perbuatan falasifah, bukan perbuatan sahabat-sahabat dan salaf-salaf.
Dan setengah daripada masyayeikh-masyayeikh kami mereka yang menghukum dengan makruh memakaikan susunan yang merah.

Dan setengah daripada membesarkan ilmu itu membesarkan taulan dan saing-saing yang bersama-sama mereka itu pada menuntut dan membaca, dan demikian juga sekalian murid-murid Tuan Guru itu.

Dan bermula menuntut kasih dan berlemah-lembut dengan cakapan itu dicelakan pada sekalian perbuatan-perbuatan dan sekalian kelakuan-kelakuan melainkan pada menuntut ilmu, kerana bahawasanya penuntut ilmu itu sayugia bahawa menuntut kasih dan berlemah-lembut ia dengan cakapannya daripada Tuan Gurunya dan taulannya supaya dapat faham ia dan mengambil faedah ia daripada mereka itu.

Dan sayugia bagi penuntut ilmu itu bahawa mendengar ia akan bacaan ilmu dan hikmah itu dengan membesarkan dan memuliakan.

Telah berkata oleh Mujahid: Hikmah itu ialah al Quran dan ilmu dan feqah dan daripada Muqatil, bahawasanya hikmah itu ditafsir akan dia pada Quran dengan empat wajah:
Pengajaran-pengajaran Al-Quran.
Yang pelik-pelik daripada rahsianya.
Ilmu dan faham.
Nubuwwah.

Dan adalah disuruhkan yang demikian itu pada tiap-tiap kalinya dan jika mendengar ia akan masalah yang satu dan kalimah yang satu itu seribu kali sekalipun.

Dikatakan:

من لم يكن تعظيمه بعد ألف مرة كتعظيمه فى أول مرة فليس بأهل العلم.

Barangsiapa yang tidak adalah membesarnya kemudian daripada seribu kali itu seperti membesarnya pada kali yang pertamanya, maka bukan ia daripada ahli ilmu lagi.

Kerana bahawasanya, ilmu itu dibesarkan dia dan dimuliakan dia pada sekalian kelakuan-kelakuan dan sekalian waktu-waktu, tiada ada berlebih kurang di antara satu waktu dan waktu dan satu waktu yang lain.

Maka barangsiapa yang tafsir ia pada membesarnya pada setengah-setengah daripada ketikanya dan tiada membesar ia akan dia akan sehabis-habis membesarkan, maka iaitu

bukan ia daripada ahli ilmu. Kerana bahawasanya, mereka yang mendapat ia akan kesedapan ilmu dan mengetahui ia akan qadarnya dan martabatnya, nescaya tiada kuasa ia bahawa tiada membesar ia akan dia.

Dan sayugia bagi penuntut ilmu itu pula, bahawa tiada memilih ia bagi ilmu yang dipelajarinya dengan sendirinya dengan ketiadaan berjumu' kira (berhimpun, mengira dan berbincang) dan mesyuarat akan gurunya. Bahkan hendaklah menyerah ia akan pekerjaannya kepada gurunya, kerana bahawasanya guru itu telah hasil baginya beberapa percubaan dan kesudian pada demikian itu dan telah mengetahui ia akan barang yang sayugia bagi tiap-tiap seorang dan barang yang patut dengan tabiatnya dan perangainya. Kerana bahawasanya, tabiat-tabiat orang itu bersalah-salahan.

Dan adalah As Syeikh Al Imam Al Ajall Al Ustaz Syeikh Al Islam Burhan Al Haq wa Ad Din Rahimahullahu Ta'ala berkata ia: Bermula penuntut-penuntut ilmu pada zaman dahulu, menyerah mereka itu akan pekerjaan-pekerjaan mereka itu pada pelajarannya kepada guru mereka itu. Dan adalah mereka itu sampai mereka itu kepada maksud-maksud mereka itu dan kehendak-kehendak mereka itu.

Dan penuntut-penuntut ilmu zaman sekarang memilih mereka itu dengan sendirinya dengan ketiadaan ikut dengan pandangan gurunya tiba-tiba tiada ada hasil akan maksud-maksud mereka itu daripada ilmu dan feqah.

Kerana bahawasanya mereka itu tiada mengetahui akan yang mana ilmu yang terlebih manfaat dengan mereka itu dan

yang mana ilmu yang patut dengan tabiat mereka itu, maka tiada dapat menunjuk mereka itu kepada yang dituntutnya.

Dan adalah dihikayatkan bahawasanya Muhammad bin Ismail Al Bukhari Rahimahullahu Ta'ala, adalah ia memulai dengan membacakan kitab as Solah di sisi Muhammad bin Al Hasan, yang dimasyhurkan dengan Al Imam Ar Rabbani daripada aimmah-aimmah mazhab Hanafi, maka berkata ia baginya: "Pergi olehmu dan belajar olehmu akan ilmu hadith."

Kerana ia tilik bahawasanya demikian itu ilmu terlebih patut dengan tabiatnya. Maka pergi ia dan belajar ia akan ilmu hadith, maka jadi ia padanya tempat ikut dan tempat taqlid bagi sekalian aimmah-aimmah hadith. Maka menghimpun ia akan satu kitab yang muktabar di antara manusia-manusia semuanya kemudian daripada Al Quran, yang dinamakan dia Sohih al Bukhari.

Dan sayugia bagi penuntut-penuntut ilmu itu bahawa tiada duduk ia sangat hampir kepada Tuan Guru pada ketika belajar dengan ketiadaan hajat.

Bahkan sayugianya, bahawa adalah antaranya dan antara Tuan Gurunya kadar panjang anak panah, kerana bahawasanya terlebih hampir kepada membesarkan.

Dan sayugia pula bagi penuntut ilmu itu terpelihara ia daripada perangai-perangai yang dicelakan pada syara', kerana bahawasanya yang demikian itu anjing pada makna. Yakni diserupa akan dia dengan anjing, kerana bahawasanya anjing itu menyakiti ia akan mereka yang menyertai akan dia.

Maka demikian juga ini perangai yang menyakiti ia akan empunyanya dan mereka yang menyertai akan dia padahal telah bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

لا تَدْخُلُ الْمَلَائِكَةُ بَيْتًا فِيْهِ صُورَةٌ أَوْ كَلْبٌ

Ertinya: Tiada masuk malaikat-malaikat pada rumah yang ada padanya gambar atau anjing.

Maka barangsiapa yang bersifat dengan demikian itu perangai-perangai yang dicelakan yang ialah anjing pada maknanya, nescaya tersakitilah dan liarlah daripadanya oleh malaikat-malaikat dan tiada masuk mereka itu pada pintu rumahnya.

Dan hanya sungguhnya belajar manusia itu dengan wasithah malaikat, maka nyatalah bahawasanya mereka yang mempunyai perangai-perangai yang hodoh itu tiada mempunyai ia akan ilmu yang baik-baik.

Dan bermula perangai-perangai yang dicelakan dia itu diketahuikan dia pada kitab Al Akhlaq. Dan kitab kami ini tiada meluas ia akan kenyataannya.

Dan jaga-jaga ia daripada takabbur, kerana tiada dapat ilmu serta takabbur kerana bahawasanya ilmu itu menarik ia akan empunyanya kepada tawadhu' lagi merendah diri, dan takabbur itu menafi ia akan dia.

Dikatakan:

الْعِلْمُ حَرْبٌ لِلْمُتَعَالِي كَالسَّيْلِ حَرْبٌ لِلْمَكَانِ الْعَالِي

Ertinya: Ilmu itu lari ia daripada orang yang takabbur meninggi diri, seperti air ladungan (yang ditakung) hujan lari ia daripada tempat yang tinggi berdiri.

فصل: فى الجد والمواظبة والهمة

INI SUATU FASAL: PADA MENYATAKAN BERSUNGGUH, BERKEKALAN, HEMMAH

Kemudian tak dapat tidak bagi penuntut ilmu itu daripada bersungguh-sungguh dan berkekalan dan berlazim-laziman. Dan diisyarat kepadanya pada al Quran pada firman Allah Ta'ala:

وَالَّذِينَ جَهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا

Ertinya: Orang-orang yang bersungguh mereka itu pada Kami nescaya Kami memberi penunjuk akan mereka itu akan jalan-jalan Kami.

Kata syair:

بجِدٍّ لا بجُهْدٍ كل مُجد *فهل جَدٌّ بلا جِدٍّ بمجدي

Tiap-tiap kebesaran kemuliaan dengan habuan dan kerajaannya tiada dengan usahanya, maka adakah usaha dengan tiada habuan dapat kebesarannya.

فكم من عبد يقومُ مقامَ حُرّ*وكم حُرّ يقومُ مقامَ عبد

Beberapa banyak hamba berdiri ia pada tempat yang merdekanya, dan beberapa banyak yang merdeka berdiri ia pada tempat hambanya.

Maksudnya: Tiap-tiap kemuliaan dan kebesaran itu dengan kurnia Allah Ta'ala dan kadarNya, tiada dengan bersungguh-sungguh dan usaha hamba.

Dan tetapi, tak dapat tiada daripada menyertai tuntut dan usaha hingga nyatalah kurnia Allah Ta'ala atas berlakuan adat Allah Ta'ala dan tiada dapat kemuliaan dan kebesaran dengan ketiadaan kurnia Allah Ta'ala dan habuanNya.

Dan beberapa banyak daripada hamba-hamba orang berdiri mereka itu pada tempat orang-orang yang merdeka pada pangkatnya dan kemuliaannya dengan kurniai Allah Ta'ala yang menyertai dengan bersungguh dan usaha.

Dan beberapa banyak daripada orang-orang yang merdeka berdiri mereka itu pada tempat hamba-hamba orang pada kehinaan dan celanya kerana ketiadaan bersungguhnya dan usahanya yang diikuti akan dia dengan kurniai Allah Ta'ala.

Dan dikatakan:

من طلب شيئا وجد وجد من قرع الباب ولج ولج

Ertinya: Barangsiapa yang menuntut ia akan suatu dan bersungguh-sungguh ia nescaya dapat ia, dan barangsiapa yang menepuk ia akan pintu dan berhadap ia nescaya dapat masuk ia.

Dan dikatakan pula:

بقدر ما تتعنى تنال ما تتمنى

Ertinya: Dengan kadar engkau cita-citakan engkau capai akan barang yang engkau cita-citakan.

Dan dikatakan pula: Dihajatkan pada belajar ilmu dan belajar fahamkan feqah-feqah itu kepada bersungguh-sungguh tiga orang, iaitu penuntut dan guru dan bapa jika ia lagi hidup.

Bersyair oleh As Syeikh Al Imam Al Ajall Al Ustaz Sadiduddin As Syirazi akan suatu syair bagi Imam kita As Syafi'i Rahimahullahu Ta'ala:

الجد يدني كل أمر شاسع *والجد يفتح كل باب مغلق

Bersungguh itu menghampir ia akan tiap-tiap pekerjaan yang jauhnya dan bersungguh itu membuka ia akan tiap-tiap pintu yang dituntutnya.

وأحق خلق الله تعالى بالهم امرؤ*ذو همة يبلى بعيش ضيق

Terlebih patut makhluk Allah Ta'ala dengan cita-cita itu ialah seorang yang mempunyai cita-cita yang dibalakan dengan sempit kehidupannya.

Maksudnya: Dua baris yang pertama itu terang, tiada berhajat kepada mensyarahkan dan maksud dua baris yang kedua itu.

Bermula yang terlebih patut daripada sekalian makhluk Allah Ta'ala dengan bahawa dicita-citakan dan runsingkan baginya itu ialah seorang yang mempunyai cita-cita dan usaha pada pengetahuan-pengetahuan dan kepandaian-kepandaian yang dibalakan dia dengan sempit kehidupannya.

ومن الدليل على القضاء وحكمه*بؤس اللبيب وطيب عيش الأحمق

Dan setengah daripada dalil atas qadha' Allah dan hukumnya itu adalah disempitkan hidup bagi yang cerdik beraqal dan selesa hidup bagi yang bodoh.

لكن من رزق الحجا حرم الغنى*ضدان يفترقان أى تفرق

Tetapi mereka direzekikan aqal diharamkan kayanya, berlawan keduanya bercerai keduanya sehabis-habis bercerainya.

Maksudnya: Setengah daripada dalil atas qadha' Allah Ta'ala dan hukumannya itu disempitkan hidup orang yang beraqal-aqal dan yang cerdik-cerdik, dan luas dan baik kehidupan orang-orang yang bodoh-bodoh.

Kerana bahawasanya, jikalau tidak ia dengan qadha' Allah Ta'ala dan hukumannya bahkan dengan ditilikkan kepada ilmu dan jahil, nescaya adalah pekerjaannya 'akas (sebalik) yang demikian itu.

Maka nyatalah bahawasanya dengan qadha' Allah tetapi mereka yang direzekikan dia dengan aqal itu diharamkan dia daripada kaya.
Bermula ini hukum ditilik kepada kebanyakan sahaja bukan kesemuanya kerana ada maujud yang kaya-kaya pada sahabat- sahabat Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan tabi'in-tabi'in dan lain daripada mereka itu daripada ulama'-ulama'.

Bermula keduanya, yakni kaya dan aqal itu berlawan keduanya, bercerai keduanya sehabis-habis bercerai. Dan jauhnya kerana aqal itu mendampingkan diri empunyanya kepada Tuhan, dan mengingatkan dia.

Dan kaya itu menjauhkan dia daripadaNya dan melupakan Dia.

Diberi syairkan pula bagi yang lain daripada Imam kita as Syafi'i, iaitu:

تمنيت أن تمسى فقيها مناظرا*بغير عناء والجنون فنون

Cita-cita oleh engkau bahawa jadi engkau itu pandai pada feqah dan yang membicarakannya
dengan ketiadaan penat, dan gila itu bermacam-macam dan berbagai-bagaikan.

وليس اكتساب المال دون مشقة *تحملها فالعلم كيف يكون

Dan tiadalah dapat akan harta itu dengan ketiadaan kepayahan yang engkau tanggungkan dia, maka ilmu itu betapa di dapatkan ia.

Maksudnya: Engkau cita-cita di dalam hati engkau bahawa adalah engkau itu menjadi satu orang daripada ulama'-ulama' feqah yang membahaskan dan membicarakan masalah- masalahnya dengan ketiadaan kesukaran dan kepenatan. Maka ini satu macam daripada gila kerana gila itu bermacam-macam dan berbagai-bagai.

Dan hanya sesungguhnya demikian itu dikatakan gila kerana bahawasanya ilmu feqah itu setengah daripada tuntutan-tuntutan yang tinggi. Dan bermula tuntutan-tuntutan itu apabila tersangatlah tingginya maka tersangatlah penatnya dan payahnya.

Maka barangsiapa yang berkehendak akan hasilnya dan dapatnya dengan ketiadaan penat dan payah, maka iaitu gila dan bingung. Kerana berusahakan harta itu tiada dapat

dengan ketiadaan penat padahalnya keji dan hina. Maka betapa pula didapatkan ilmu dengan ketiadaan penat dan susah serta keadaannya terlebih tinggi daripada sekalian pekerjaan-pekerjaan dan yang terlebih mulianya.

Berkata Abu Toiyyib al Mutanabbi:

ولم أرى فى عيوب الناس عيبا*كنقص القادرين على التمام

Dan tiada mengetahui aku pada kecelaan-kecelaan manusia itu akan kecelaan seperti kekurangan orang-orang yang kuasa atas menyempurnanya.

Maksudnya: Aku tiada mengetahui di dalam banyak-banyak kecelaan manusia itu akan ada suatu kecelaan yang serupa dengan kecelaan dan kekurangan orang-orang yang kuasa mereka itu atas menyempurnakan suatu perkara, maka tiba-tiba tiada menyempurna mereka itu akan dia bahkan mengekal mereka itu akan dia atas kekurangannya.

Umpamanya kuasa mereka itu atas menyempurnakan satu ilmu daripada sekalian ilmu-ilmu jikalau kehendak mereka itu akan menyempurnanya tetapi tiada kehendak mereka itu akan dia, maka ini suatu kecelaan daripada sekalian kecelaan-kecelaan yang tiada aku ketahui akan ada umpamanya.

Dan tidak dapat tidak pula bagi penuntut-penuntut ilmu itu daripada berjaga-jaga malam, seperti kata syair:

بقدر الكد تكتسب المعالي * ومن طلب العلى سهِر الليالي

Dengan kadar kepenatan diusahakan ketinggian maka setengah daripada menuntut ketinggian itu berjaga malam.

تروم العز ثم تنام ليلا * يغوص في البحر من طلب اللآلي

Engkau tuntut kemenangan kemudian engkau tidur pada malam, hendaklah menyelam di dalam laut oleh mereka yang menuntut akan mutiara.

علو الكعب بالهمم العوالي * وعن المرء في سهَر الليالي

Ketinggian kemuliaan dengan cita-cita yang tinggi dan kemenangan seorang pada berjaga-jaga malam.

تركت النوم ربي فى الليالي * لأجل رضاك يا مولى الموالي

Meninggalkan oleh aku akan tidur malam, hai Tuhanku kerana keredhaan Engkau, hai Tuan bagi segala tuan.

ومن رام العلى من غير كد* أضاع العمر في طلب المحال

Dan barangsiapa yang menuntut akan ketinggian dengan ketiadaan penat maka mensia-sia ia akan umur pada menuntut akan yang mustahil.

فوفقني إلى تحصيل علم*وبلغني إلى أقصى المعالي

Maka beri taufiq olehMu akan daku kepada menghasilkan ilmu dan sampaikan olehmu akan daku kepada setinggi-tinggi yang tinggi.

Maksudnya: Diusahakan ketinggian-ketinggian dan di-dapatkan dia itu dengan kadar penat dan kesusahan.

Maka setengah daripada sebab bagi menuntut ketinggian dan sebab bagi mendapat akan dia itu berjaga malam-malam. Kerana bahawasanya, berjaga malam itu setengah

daripada kesukaran-kesukaran dan kepenatan-kepenatan yang di- tanggungkan dia pada ketika menuntut ilmu. Engkau me- nuntuti akan kemenangan dan kekuatan pada ilmu-ilmu dan umpamanya, kemudian engkau tidur-tidur jua pada malam- malam, maka jauhlah dapatnya kerana keduanya bernafi-nafi dan berlawan tiada berhimpun keduanya. Kerana kemenangan pada ilmu-ilmu dan umpamanya itu hasil ia dengan ber- sungguh-sungguh pada tengah-tengah malam dan pada waktu- waktu yang sunyi daripada bekas- bekas dunia dan gharadh-gharadhnya (tujuannya). Istimewa pula waktu-waktu dini hari sangat-sangatlah patut bagi bersungguh-sungguh pada menuntut ilmu dan muthala'ahnya.

Dan bahawasanya mereka yang berkehendak ia akan dapat kemenangan pada ilmu-ilmu itu mengharung ia di dalam laut kepicikan (kesempitan), kepayahan dan kepenatan. Dan mengeluar ia akan mutiara-mutiara pengetahuan dan kepandaian, seperti bahawasanya mereka-mereka yang menuntut ia akan mutiara-mutiara dan permata-permata itu mengharung ia di dalam laut air dan mengeluar ia akan mutiaranya.

Dan bahawasanya ketinggian kemuliaan dan pangkat itu dengan cita-cita yang tinggi dan usaha elok. Dan kemenangan seorang itu bertambatan ia dan terkandung di dalam berjaga malam-malam. Kerana dengan berjaga itu dikosongkan waktu- waktu yang dikosongkan dia dengan tidur. Dan diperintahkan dia kepada menghasilkan pengetahuan-pengetahuan dan kepandaian-kepandaian dan berusahakan taat-taat, maka hasillah oleh kemenangan pada dua negeri dunia dan akhirat dan bahagia yang berkekalan.

Hai Tuhanku! Aku tinggalkan ketiduran aku pada malam-malam kerana menuntut akan keredhaan engkau. Hai Tuhan bagi sekalian tuhan-tuhan, yang menyangka akan dia oleh kuffar- kuffar dengan menunaikan taat-taat dan ibadat-ibadat pada sepanjang-panjang malam.
Dan barangsiapa yang menuntut ia akan ketinggian dengan ketiadaan penat dan kesusahan, nescaya mensia-sia ia akan umurnya pada menuntut akan perkara yang mustahil dapatnya. Maka memberi taufiq olehMu akan daku kepada menghasilkan ilmu dan mendapatnya dan menyampai olehMu akan daku kepada setinggi-tinggi tuntutan dan setinggi-tinggi kehendak.

Dikatakan:

اتَّخِذِ اللَّيْلَ جَمَلا تُدْرِكْ بِهِ أَمَلاً

Ertinya: Ambil olehmu dan menjadi olehmu akan malam itu akan unta dan tunggangannya nescaya engkau dapat dengan dia akan angan-angan dan maksud-maksud engkau.
Maksudnya: Bahawasanya unta itu apabila engkau naik akan dia nescaya menyampai ia akan dikau kepada maksud-maksud engkau. Maka demikianlah juga malam, apabila engkau berjalan padanya dan engkau berhadap kepada meng- hasilkan pangkat-pangkat yang tinggi-tinggi, nescaya me- nyampai ia akan dikau kepadanya.

Berkata muallif: Dan sungguhnya bersetuju bagiku oleh menazhamkan akan suatu nazham pada mengandungi akan ini makna, iaitu:

من شاء أن يحتوى آماله جملا*فليتخذ ليله فى دركها جملا

Barangsiapa yang berkehendak ia akan menghimpunkan angan-angannya semuanya; maka mengambillah akan malamnya pada mendapatnya akan unta tunggangannya.

إقلل طعامك كى تحظى به سهرا *إن شئت يا صاحبى أن تبلغ الكملا

Menyedikit olehmu akan makanan engkau supaya dapat dengan dia akan berjaga; jika engkau kehendak, hai taulanku bahawa engkau sampaikan sempurnanya.

Dikatakan: "Barangsiapa yang menjadikan dirinya berjaga pada malam, maka sungguhnya menyuka ia akan hatinya pada siang.

Dan tak dapat tidak bagi penuntut ilmu itu daripada berkekalan atas membaca-membaca dan mengulang-ulang akan dia pada awal-awal malam dan akhirnya, kerana bahawa- sanya barang yang antara 'Isya' dan waktu dini hari itu waktu yang diberkatkan.

Kata syair:

يا طالب العلم باشر الورعا*وجانب النوم واترك الشبعا

Hai penuntut ilmu, mubasyarah olehmu akan wara'; dan jauh olehmu akan tidur dan takut olehmu akan kenyang.

وداوم على الدرس لا تفارقه*فإن العلم بالدرس قام وارتفعا

Mengekal olehmu akan bacaan-bacaan, jangan kamu bercerai akan dia; kerana ilmu itu berdiri ia dan terangkan ia dengan membaca-baca.

Maksudnya: Hai penuntut ilmu, lazim olehmu akan diri kamu itu bersifat dengan wara', iaitu tertahan dan terpeliara daripada mengerjakan yang haram-haram. Dan jauh olehmu akan banyak ketiduran dan makan kenyang-kenyang, kerana keduanya menegahkan akan dapat ilmu. Dan kekal olehmu atas membaca-baca, jangan engkau lupa daripadanya, kerana bahawasanya ilmu itu hasil ia dan bertambah ia dengan membaca-baca.

Dan sayugia bahawa mengambil untung oleh penuntut-penuntut itu pada hari-hari mudanya, iaitu barang yang antara umur 20 hingga 40 tahun dan waktu awal mudanya. Kerana bahawasanya pancaindera-pancaindera dan segala kuat-kuat mendapatkan itu sempurna lagi kuat pada masa mudanya. Maka apabila luputlah oleh mudanya dan mendapat akan hari tuanya, nescaya dha'iflah oleh kekuatan-kekuatan dan pancaindera-pancainderanya, maka tiada kuasa ia atas menghasilkan ilmu-ilmu dan sekalian pengetahuan- pengetahuan dan kepandaian-kepandaian. Maka ketika itu tak
dapat tidaklah daripada mengambil untung pada hari-hari mudanya, seperti dikatakan syair, iaitu:

بقدر الكد تعطى ما تروم*فمن رام المنى ليلا يقوم

Dengan kadar kepenatannya diberi akan dikau akan barang yang engkau kehendaknya; maka barangsiapa yang berkehendakkan maksudnya berdiri ia pada malamnya.

وأيام الحداثة فاغتنمها*ألا إن الحداثة لا تدوم

Dan hari-hari muda itu, maka mengambil untung kamu akan dia; wahai saudara, bahawasanya hari-hari muda itu tiada berkekalannya.

Maksudnya: Diberi akan dikau akan barang yang engkau kehendak itu dengan kadar kepenatan engkau pada menuntut-nya.

Maka barangsiapa yang berkehendak bahawa didapat akan maksud-maksudnya, hendaklah berjaga ia pada malam-malam pada menuntut akan maksud-maksudnya. Dan loba oleh kamu dan mengambil untung olehmu akan hari-hari mudanya pada menuntut akan maksud-maksud engkau itu. Dan ingat-ingat olehmu, bahawasanya hari-hari muda itu tiada berkekalan ia, maka tak dapat tidak daripada memeliharakan dia dan men- capaikan dia dahulu daripada luput peluangnya, kerana bahawasanya peluang itu lalu ia seperti lalu awan sahaja.

Dan sayugia bahawa jangan menyusah dan memenat ia akan dirinya akan sebagai susah dan penat yang sangat. Dan bahawasanya jangan mendha'if akan dirinya hingga bukan ia daripada beramalnya, bahkan hendak berlemah-lembut ia pada demikian itu.
Dan bermula lemah-lembut itu asal dan lunas yang besar pada sekalian perkara-perkara, bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

أَلا إِنَّ هَذَا الدِّيْنَ مَتِيْنٌ فَأَوْعِلُوْا فِيْهِ بِرِفْقٍ

Ertinya: Wahai, bahawasanya ini agama teguh, maka berjalan oleh kamu padanya dan bersungguh-sungguh dengan lemah-lembut.

Dan jangan engkau marahkan dan murkakan atas diri engkau dengan memenat-menat akan dia kerana beribadat akan Allah Ta'ala. Kerana bahawasanya seorang yang putus riang dan putus kekuatan belakangnya dan tunggangannya itu tiada memutus ia akan bumi dengan perjalanannya dan tiada sampai ia kepada yang dituntutnya dan tiada mengekal ia akan tunggangannya, bahkan membinasanya ia akan dia.

Bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

نَفْسُكَ مَطَيَّتُكَ فَارْفُقْ بِهَا

Ertinya: Diri engkau itu tunggangan engkau, maka lemah-lembut olehmu dengan dia.

Dan tak dapat tidak bagi penuntut-penuntut ilmu itu daripada cita-cita yang tinggi pada ilmu, kerana bahawasanya seorang itu terbang ia dengan cita-citanya seperti burung terbang ia dengan dua sayapnya.

Berkata Abu at Toyyib al Mutanabbi:

على قدر أهل العزم تأتى العزائم*وتأتى على قدر الكرام المكارم

Atas qadar azam kedatangan oleh maksud-maksudnya dan kedatangan oleh kemuliaan-kemuliaan atas qadar yang mulianya.

وتعظم فى عين الصغير صغارها*وتصغر فى عين العظيم العظائم

Dan besarlah pada pandangan orang-orang yang kecil oleh yang kecil-kecilnya; dan kecillah pada pandangan orang-orang yang besar oleh yang besar-besarnya.

Maksudnya: Kedatangan oleh maksud-maksud dan mendapat akan dia itu atas kadar ahli 'azam dan martabatnya pada-nya.

Maka barangsiapa yang adalah 'azamnya pada martabat yang tinggi adalah maksud-maksudnya terlebih sempurna dan baik, dan kedatangan oleh kemuliaan-kemuliaan dan mendapat akan dia itu atas kadar ahlinya dan martabatnya.

Maka barangsiapa yang adalah kemuliaannya pada kesudahan yang tinggi adalah keluar kemuliaan-kemuliaan daripadanya pada kesudahan yang jauh, dan jadi besarlah oleh yang kecil-kecil daripada kemuliaan-kemuliaan pada pandangan mereka yang jahat cita-cita dan rendahnya. Dan jadi kecillah pada pandangan mereka yang baik cita-cita dan tingginya oleh yang besar-besar daripada kemuliaan-kemuliaan yang keluar daripadanya kerana cita-citanya itu tinggi. Maka dengan tilik kepada cita-citanya yang tinggi itu jadi kecil oleh perkara- perkara yang besar-besar.

Dan bermula kepala pada mendapatkan perkara-perkara itu sungguh-sungguh dan cita-cita. Maka barangsiapa yang adalah cita-citanya menghafazkan sekalian kitab-kitab Muhammad bin Al Hasan(dan iaitu; Al Imam Ar-Rabbani) daripada aimmah- aimmah mazhab Hanafi, adalah ia dimasyhurkan dengan banyak kitab-kitabnya dan menyertai ia demikian itu akan bersungguh-sungguh dan berkekal-kekalan. Maka nyata-lah bahawasanya menghafaz ia akan terlebih banyaknya atau setengahnya.

Maka adapun apabila adalah baginya cita-cita yang tinggi dan tiada ada baginya bersungguh-sungguh atau ada baginya bersungguh-sungguh dan tiada ada baginya cita-cita yang

tinggi, nescaya tiada dapat baginya melainkan ilmu yang sedikit sahaja.

Dan menyebut oleh As Syeikh Al Imam Al-Ajall Al- Ustaz Ridha Ad-Din An-Naisaburi pada kitab Makarimul Akhlaq, bahawasanya Zulqarnain tatkala berkehendak bahawa musafir ia supaya merintahkan atas Masyriq dan Maghrib berjumu' kira (berhimpun, mengira dan berbincang) dan mesyuarat ia akan hukama'-hukama' dan berkata ia: "Betapa aku musafir bagi ini kadar daripada kerajaan dunia, kerana bahawasanya dunia itu sedikit lagi binasa dan bahawasanya kerajaan dunia itu lekeh, maka bukanlah ia daripada tinggi hemah cita-cita."

Maka berkata hukama':

سافر ليحصل لك ملك الدين والآخرة

"Musafir olehmu, supaya dapat bagi engkau kerajaan dunia dan akhirat dengan berperang kerana meninggikan kalimah Allah Ta'ala." Maka berkata Zulqarnain: "Ini safar elok." Maka dengan hemahnya yang tinggi itu dapat baginya kerajaan dunia sebelah matahari naik dan sebelah terjatuh.

Maka diketahui daripada ini bahawasanya tak dapat tidak pada mendapatkan perkara-perkara itu daripada bersungguh- sungguh dan hemah, yakni cita-cita yang tinggi.

Bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ مَعَالِيَ الْأُمُوْرِ وَيَكْرَهُ سَفْسَافَهَا.

Ertinya: Bahawasanya Allah Ta'ala kasih ia akan yang tinggi-tinggi daripada pekerjaan-pekerjaan agama dan benci ia akan yang lekeh-lekehnya dan yang hodoh-hodohnya

Seperti dikatakan syair:

فلا تعجل بأمرك واستدمه*فما صلى عصاك كمستديم

Jangan engkau bersegerakan dengan pekerjaan engkau dan kekal akan dianya maka tiada membetul akan tongkat engkau oleh seumpama yang berkekalannya.

Maksudnya: Jangan engkau bersegerakan pada pekerjaan engkau yang engkau tuntut menghasilkan dia itu, bahkan pelahan-pelahan olehmu dan berkekal kamu akan dia, kerana tiap-tiap pekerjaan itu tiada dapat baik ia dengan bersegera-segera.

Maka perlahan dan berhalus serta berkekal-kekal itu sangat baik pada tiap-tiap pekerjaan kamu, kerana boleh diqiyaskan atas tongkat kamu yang belok dan bengkok, maka tiada boleh membetul akan dia dengan segera-segera dan cepat hanya membetul akan dia oleh seorang yang perlahan- lahan dan berhalus-halus dan melayur-layur akan dia di atas api dan dibentuk-bentuk akan dia dengan berkekalan dan panjang masa sedikit, seperti dikatakan:

الْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ وَالتَّأَنِّي مِنَ اللَّهِ

Ertinya: Bermula bersegera-segera itu daripada syaitan dan berhalus-halus itu daripada Allah Ta'ala.

Dikatakan, berkata al Imam Abu Hanifah bagi Abi Yusuf Rahimahullahu Ta'ala:

كنت بليدا أخرجتك المواظبة، وإياك والكسل فإنه شؤم وآفة عظيمة.

Adalah engkau bodoh yang mengeluar akan dikau daripada oleh berkekalan atas membaca-baca.
Dan jauh olehmu akan diri kamu daripada bersifat dengan segan dan pemalas, kerana bahawasanya segan pemalas itu celaka bercanding dan penyakit yang besar.

Berkata As Syeikh Abu Nashr Ash-Shaffar Al-Anshariy:

يا نفس يا نفس لا ترخي عن العمل *فى البر والعدل والإحسان فى مهل

Hai nafsu, hai nafsu, jangan engkau lambat daripada beramal; pada kebajikan dan 'adil dan ihsan pada tempohan.

فكل ذي عمل فى الخير مغتبط *وفي بلاء وشؤم كل ذي كسل

Dan tiap-tiap yang mempunyai 'amal pada kebajikan bergemarnya; dan pada bala' dan canding yang oleh tiap-tiap yang mempunyai segannya.

Maksudnya: Ayuhai diriku, ayuhai diriku, jangan engkau lambat dan segan daripada beramal dengan amalan yang bangsa agama yang pada kebajikan dan 'adil, yakni betul dengan aturan-aturan dan berbuat baik di dalam lemah-lembut dan berhalus dan berhemat. Kerana bahawasanya, lembut dan berhalus itu lunas yang besar pada sekalian perkara-perkara seperti terdahulu sebutnya.

Dan tiap-tiap yang mempunyai amalan-amalan yang kebajikan itu digemari akan umpama kebajikannya dan dibuat teladan akan dia padanya dan ditiru akan dia. Dan tiap-tiap yang mempunyai segan dan pemalas itu tenggelam

ia di dalam bala' dan celaka bercanding pada dunia dan akhirat, maka kerugian ia pada keduanya.

Berkata mu'allif: Sungguhnya bersetuju bagiku pada mensyairkan pada ini makna, iaitu:

دعى نفسي التكاسل والتواني *وإلا فاثبتي فى ذا الهوان

Tinggal olehmu, hai diriku, akan segan dan lambatnya dan jika tidak, maka diam kamu dan tetap pada mempunyai kehinaannya.

فلم أر للكسالى الحظ يعطى*سوى ندم وحرمان الأماني

Kerana tiada aku lihat akan yang segan itu berhabuan akan habuannya; yang lain daripada sesal dan keputusan sekalian cita- citanya.

Dikatakan pula suatu syair:

كم من حياء وكم عجز وكم ندم*جم تولد للإنسان من كسل

Beberapa banyak daripada malu dan beberapa lemah dan beberapa menyesalnya; yang banyak terberanak ia bagi manusia daripada segan pemalasnya.

إياك عن كسل فى البحث عن شبه*فما علمت وما قد شذ عنك سل

Jauh akan diri daripada segan pada bicara daripada syubhat-syubhatnya; barang yang telah engkau ketahui dan syak daripada segan pemalasnya.

Maksudnya: Beberapa banyak daripada manusia-manusia yang jatuh ia pada kemaluan-kemaluan dan kelemahan dan menyesal-nyesalnya yang terjadilah sekaliannya itu daripada segan dan pemalasan.

Dan jauh olehmu dan takut olehmu daripada segan pemalas daripada berbicara-bicara dan halusi pada perkara- perkara yang jadi syubhah dan kesamaran atas kamu, kerana apa-apa barang yang engkau ketahui akan dia atau syak yang hasil keduanya daripada segan pemalas itu tiada dibilang akan dia.

Dikatakan: "Bermula segan dan pemalas itu kerana sedikit amat-amati dan sedikit perhati pada kepujian-kepujian ilmu dan kelebihan-kelebihannya."

Maka sayugianya bahawa memenat ia akan dirinya atas menghasilkan dan bersungguh-sungguh dan berkekalan dengan amat-amati dan perati pada kelebihan-kelebihan ilmu. Kerana bahawasanya ilmu itu kekal dan harta itu binasa, seperti berkata Amirrul Mu'minin 'Ali bin Abi Thalib Karamallahu wajhah.

رضينا قسمة الجبار فينا *لنا علم وللأعداء مال

Redha kita akan bahagian Tuhan pada kita; bagi kita ilmu dan bagi seteru-seteru kita harta.

فإن المال يفنى عن قريب *وإن العلم يبقى لا يزال

Kerana bahawasanya harta itu binasa ia di dalam sedikit masa sahaja, dan bahawasanya ilmu itu sentiasa berkekalan ia. Dan bermula ilmu yang manfaat hasil dengan dia oleh baik sebutannya dan kekallah yang demikian itu kemudian

daripada matinya, kerana bahawasanya hidup yang berkekalan.

Telah bersyair akan kami oleh As Syeikh Al-Ajall Zahiruddin Mufti Al-Aimmah Al Hasanbin 'Ali, yang dimasyhurkan dengan Marghibaniy akan suatu syair:

الجاهلون موتى قبل موتهم * والعالمون وإن ماتوا فأحياء

Bermula yang jahil-jahil itu mati mereka itu dahulu daripada matinya; dan yang alim-alim itu jika mati mereka itu maka hidupnya.

Maksudnya: Bermula orang-orang yang jahil itu dan jika hidup mereka itu sekalipun boleh dikatakan mereka itu mati semuanya kerana tiada ada beza mereka itu daripada orang yang mati pada hakikatnya, kerana tiada ada pada mereka itu pengetahuan dan tiada pula kesempurnaan dan kepandaian seperti kayu batu sahaja. Maka ditempati mereka itu pada tempat orang mati sahaja.

Dan bermula orang-orang yang alim-alim itu dan jika mati mereka itu sekalipun boleh dikatakan mereka itu hidup kerana manfaat ilmu mereka itu berjalan dan berkekalan dan keelokkan sebutan mereka itu kekal seperti waktu hidupnya juga.

Dan bersyair pula akan kami oleh Syeikh Al-Islam Burhanuddin:

وفى الجهل قبل الموت موت لأهله * فأجسامهم قبل القبور قبور

Pada jahil itu kematiannya ahlinya dahulu daripada matinya; maka tubuh-tubuh mereka itu dikuburkan dahulu daripada kuburnya.

وإنّ امرأ لم يحي بالعلم ميت* فليس له حين النشور نشور

Bahawasanya seorang yang tiada hidup dengan ilmu itu matinya; dan tiada baginya pada ketika bersandar itu sandarannya.

Maksudnya: Tsabitlah pada sifat jahil itu kematian bagi empunyanya yang dikatakan dia mati dahulu daripada mati yang hakikatnya.

Dan adalah tubuh-tubuh badan mereka itu dikuburkan dia dahulu daripada dikuburkan pada hakikatnya pada pihak melengkapinya atas sifat-sifat kematian dan sifat-sifat orang yang di dalam kubur. Kerana orang-orang yang mati yang di dalam kubur itu tiada memberi manfaatlah oleh tubuh-tubuh badan mereka itu akan suatu perkara. Maka demikian juga orang-or- ang yang jahil itu tubuh badan mereka itu tiada mem-beri manfaat apa-apa pada pihak agamanya dan kehidupannya bangsa akhirat.

Dan bahawasanya seorang itu manakala tiada hidup ia dengan bersifat dengan sifat ilmu dan pengetahuan, maka boleh dikatakan ialah seorang yang mati yang tiada baginya pada ketika tersandar ia daripada lupanya.

Hidup berdiri, yakni manakala tersandar ia daripada lupa- nya dan lalai ia, maka tiada bangkit berdiri ia dan beramal ia dengan amalan agamanya. Hanya tiap-tiap tersandar, maka terlupa pula dengan segeranya, dan berkekalan padanya dan bertambah-tambah lupanya, hingga demikianlah selama-lamanya.

Yang lainnya pula:

أخو العلم حيٌّ خالدُ بعد موته * وأوصالُه تحت التراب رميم

Yang mempunyai ilmu itu hidup berkekalan kemudian daripada matinya;
dan tulang-tulangnya itu hancur di bawah tanahnya.

وذو الجهل ميت وهو يمشى على الثرى * يظنّ من الأحياء وهو عديم

Dan yang jahil itu mati dan ia berjalan atas buminya; disangka akan dia itu daripada yang hidup-hidup walhal ia matinya.

Kata syair:

حياة القلب علم فاغتنمه * وموت القلب جهل فاجتنبه

Dan bersyair akan kami pula Syeikh Al-Islam Burhanuddin akan beberapa baris daripada syair- syair yang hasil maksud-maksudnya inilah:

إذِ العلم أعلى رتبة فى المراتب* ومن دونه عز العلى فى المواكب

Sebut olehmu dan ingat olehmu bahawasanya ilmu dan kepandaian itu terlebih tinggi pangkat daripada sekalian pangkat-pangkat yang tinggi-tinggi.

Dan di bawahnya dan kurang daripadanya kemenangan ketinggian mereka-mereka yang berpangkat tinggi di dalam puak-puak angkatan dan perhimpunan yang besar-besar. puakna bahawanya kemenangan dan ketinggian yang hasil

dengan ilmu dan kepandaian itu berkekal dan sentiasa tidak hilang. Adapun kemenangan dan ketinggian yang hasil tatkala di dalam puak-puak angkatan dan perhimpunan yang ramai itu hilang ia dengan hilang puaknya dan perhimpunannya.

فذو العلم يبقى عزه متضاعفا * وذو الجهل بعد الموت تحت التيارب

Maka yang mempunyai ilmu dan kepandaian itu berkekalan kemenangannya berganda-ganda selama-lamanya daripada pihak elok sebutan pada dunia dan mendapatkan beberapa pangkat yang tinggi- tinggi dan besar-besar di akhirat.
Dan yang jahil kemudian daripada matinya khalish di bawah tanah semata-mata,

tiada ada padanya suatu daripada kemenangan dan ketinggian seperti yang pada orang-orang alim.

فهيات لا يرجو مداه من ارتقى * رقى ولى الملك والى الكتائب

Jauhlah sehabis-habis jauh oleh mendapat kemenangan yang tinggi daripada kesudahan kemenangan ilmu oleh mereka yang naik ia kepada kemenangan dan pangkat raja-raja dan soldadu-soldadunya (tentera-tenteranya).

سأملى عليكم بعض ما فيه فاسمعوا * فبى حصر عن ذكر كل المناقب

Sekarang aku tuliskan sedikit daripada kepujian-kepujian ilmu atas jalan pendek sahaja, iaitu:

هو النور كل النور يهدى عن العمى * وذو الجهل مر الدهر بين الغياهب

Bahawasanya ilmu itu nur, dan tiap-tiap nur itu memberi petunjuk ia akan kebutaan jahil dan sesat. Dan yang jahil itu selama-lama masuknya berbalik-balik ia di dalam kelam-kelam kejahilan dan kelam sesatnya.

هو الذروة الشماء تحمى من التجا * إليها ويمشى آمنا فى النوائب

Dan bahawasanya ilmu itu ialah seperti bukit dan gunung yang tinggi yang mensangkakan akan mereka-mereka yang bertumpu kepadanya dan menjadikan dia aman dan sejahtera daripada sekalian bahaya-bahaya.

به ينتجى والناس فى غفلاتهم * به يرتجى والروح بين الترائب

Dengan dialah kelepasan manusia daripada seksa-seksa akhirat padahal mereka itu di dalam lupa lalai mereka itu. Dengan dialah berharap sekalian arwah-arwah di dalam tulang-tulang dada ketika cabutnya akan kelepasan daripada api-api neraka.

به يشفع الإنسان من راح عاصيا * إلى درك النيران شر العواقب

Dengan dialah mensyafaat manusia-manusia dan menolongnya akan mereka-mereka yang derhaka yang pergi kepada neraka yang sejahat-jahat seksa.

فمن رامه رام المآرب كلها * ومن حازه قد حاز كل المطالب

Maka barangsiapa yang menuntut akan dia, maka sungguhnya telah menuntut ia akan tuntutan-tuntutan sekaliannya. Dan barangsiapa yang mendapat akan dia, maka sungguhnya telah mendapat ia akan tuntutan-tuntutan sekaliannya,

هو المنصب العالى يا صاحب الحجا * إذا نلته هون بفوت المناصب

ialah suatu pangkat yang tinggi. Ayuhai, yang mempunyai aqal dan fikiran, maka apabila engkau mendapat akan dia, maka bilang olehmu bahawasanya sekalian tuntutan-tuntutan yang lain daripadanya itu semuanya mudah dan hina.

فإن فاتك الدنيا وطيب نعيمها * فغمض فإن العلم خير المواهب

Maka jika lupa akan dikau oleh dunia dan kesedapan nikmat-nikmatnya, maka pejam olehmu akan dua mata kamu daripada menuntut akan dianya dan menyesal-nyesalnya.

Dan memadai oleh kamu dengan ilmu dan pangkatnya, kerana bahawasanya ilmu itu sebaik-baik perhambaan dan sebaik-baik pemberian daripada Tuhannya yang tiada umpamanya oleh suatu yang lain sekali-kalinya.

Maksudnya syair-syair Syeikh Al-Islam Burhanuddin, syair bagi setengah mereka itu:

إذا ما اعتز ذو علم بعلم * فعلم الفقه أولى باعتزاز

Apabila jadilah yang mempunyai ilmu itu kemuliaannya dengan ilmunya; maka ilmu feqah itu terlebih utama dengan kemuliaannya.

فكم طيب يفوح ولا كمسك* وكم طير يطير ولا كبازى

Beberapa banyak bau-bauan yang berserbuk tiada seperti kasturinya; dan beberapa banyak burung yang terbang tiada seperti bazinya.

Lagi syair bagi setengah mereka itu pula:

الفقه أنفس كل شيئ أنت ذا خره * من يدرس العلم لم تدرس مفاخره

Feqah itu terlebih mulia suatu yang engkau himpun akan dianya, barangsiapa yang membaca-baca ilmu sentiasalah kemegahan- kemegahannya.

فاكسب لنفسك ما أصبحت تجهله * فأول العلم إقبال وآخره

Maka ijtihad olehmu bagi engkau akan barang yang engkau jahil akan dianya, maka awal ilmu itu bahagia dan akhirnya bahagianya

Dan memadalah oleh kesedapan ilmu dan feqah. Dan faham akan dia itu menyerukan dan membangkitkan akan yang beraqal kepada menghasilkan ilmu dan mendapat akan dia.

Dan terkadang terberanaklah dan terjadilah pemalas dan segan, iaitu daripada penyakit balgham. Iaitu; satu campuran daripada campuran-campuran tubuh badan yang empat dan daripada basah-basahan tubuh badan yang hasil daripada banyak makanan-makanan.

Dan bermula jalan bagi menyedikitkan balgham itu menyedikitkan makanan-makanan yang dimakankan.

Dikatakan: Telah bersetujuan 70 tobib atas mengata kan bahawasanya banyak pelupa itu kerana banyak balgham; dan banyak balgham itu kerana minum air; dan banyak minum air itu kerana banyak memakankan makanan-makanan.

Dan bermula roti kering itu memutuskan balgham. Dan demikian juga makan buah zabib, sebelum makan apa-apa itu memutuskan balgham. Dan jangan membanyakkan daripada-nya supaya tiada berhajat ia kepada minum itu, maka mem-bawa kepada bertambah balgham pula.

Dan bermula bersugi itu menyedikitkan balgham dan menambahkan peringatan dan fashahah. Yakni; elok dan nyata cakapannya. Kerana bahawasanya bersugi itu jalan yang diredhai akan dia yang menambah ia akan pahala sembahyang dan baca Al-Quran.

Diriwayatkan daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, bahawasanya bersabda ia:

صَلَاةٌ عَلَى أَثَرِ السِّوَاكِ أَفْضَلُ مِنْ خَمْسٍ وَسَبْعِينَ صَلَاةً بغير سواك.

Ertinya: Bermula satu sembahyang yang mengiringi bersugi itu terlebih afdhal daripada 75 kali sembahyang dengan tiada bersugi.
Dan demikian jua muntah itu menyedikitkan balgham dan basahan-basahan di dalam badan.

Dan bermula jalan menyedikitkan makanan-makanan yang dimakankan itu perati-perati dan amat-amati pada manfaat-manfaat sedikit makan dan iaitu sihat. Yakni; segar badan dan 'afiat. Yakni; terpelihara daripada haram-haram kerana sedikit keinginan yang hasil daripada banyak makan-makan dan membuat baik kepada orang.

Dikatakan pada mencelakan banyak makan itu:

فعار ثم عار ثم عار * شقاء المرء من أجل الطعام

Maka kecelaan kemudian kecelaan kemudian kecelaannya, Celaka seorang itu kerana makanan-makanannya.

Maksudnya: Baris yang pertama sangat-sangat mencercakan dan mencelakan banyak makan-makan hingga diulang-ulang katanya tiga kali. Dan maksud baris yang kedua itu,

bahawasanya keadaan seorang jadi celaka itu kerana makan-makan yang membawa kepada banyak keinginan. keinginan yang membawa kepada mengerjakan maksiat- maksiat dan yang tertegah pada syara'.

Diriwayatkan daripada Nabi 'Alaihisshalatu wasallam, bahawasanya bersabda ia:

ثَلَاثَةٌ يَبْغَضُهُمُ اللَّهُ تَعَالَى مِنْ غَيْرِ جُرْمِ الْأَكُولُ وَالْبَخِيْلُ وَالْمُتَكَبِّرُ

Ertinya: Tiga macam manusia murka akan mereka itu oleh Allah Ta'ala daripada ketiadaan dosa yang banyak makan-makan dan yang penyayang dan yang membesar dirinya.

Dan setengah daripada jalan menyedikitkan makanan-makanan itu amat-amati dan perati kepada mudharat-mudharat banyak makan-makan, dan iaitu banyak jadi penyakit-penyakit dan jemu tabiat dan segannya.

Dikatakan:

الْبَطْنَةُ تُذْهِبُ الْفَطَنَةَ

Ertinya: Bermula memohon (memenuhkan) perut dengan makanan itu menghilangkan cerdik dan menegah akan dia.
Dihikayatkan daripada Jalinus, bahawasanya berkata ia: Bermula buah delima itu memberi manfaat sekaliannya. Dan bermula ikan itu memberi mudharat sekaliannya.

Dan serta yang demikian itu dikatakan pula: Sedikit ikan itu terlebih baik daripada banyak delima, walhal padanya membinasakan harta.

Dan bermula makanan lebih daripada kenyang itu mudharat semata-mata dan dimustahak diseksakan dia dengan sebabnya pada akhirat sana.

Dan yang banyak memakan-makan itu dimurkakan dia pada segala hati-hati.
Dan jalan menyedikitkan makanan itu pula bahawa memakankan akan makanan-makanan yang lemak-lemak.

Dan bahawa mendahulukan akan yang terlebih indah dan yang terlebih sedap dan berahi.
Dan bahawa tiada makan ia serta orang-orang yang lapar-lapar melainkan apabila ada baginya kehendak yang baik pada membanyakkan makan-makan, seperti bahawa berkuat dengan dia atas puasa dan sembahyang dan amalan-amalan yang berat- berat dan payah-payah, seperti perjalanan dan lainnya. Maka bagi-nya patut makan banyak kerana berkuatnya akan ibadat- ibadat itu adalah ia jadi sebab bagi terangkat kemuliaannya. Maka dengan ini kehendak yang baik halallah baginya oleh yang demikian itu.

فَصْلٌ: فِي بِدَايَةِ السَّبْقِ وَقَدْرِهِ وَتَرْتِيبِهِ

Ini Suatu Fasal Pada Menyatakan PERMULAAN MEMOTONGKAN BACAAN, QADARNYA DAN

Adalah Tuan Guru kami Syeikh Al-Islam Burhanuddin mem-perhentikan pada permulaan memotongkan bacaan-bacaan itu atas hari Rabu.
Dan adalah ia meriwayatkan pada menyatakan yang demikian itu akan suatu hadith, maka berbuat dalil ia dengan dia. Dan berkata ia, sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

مَا مِنْ شَيْءٍ بُدِئَ فِي يَوْمِ الْأَرْبَعَاءِ إِلَّا وَقَدْ تَمَّ

Ertinya: Tiada daripada suatu perkara yang dimulai akan dia pada hari Rabu melainkan sungguhnya jadi sempurna ia.

Dan demikianlah juga perbuatan Abu Hanifah. Dan adalah ia meriwayatkan akan ini hadith daripada gurunya As Syeikh Al Imam Al-Ajall Qawamuddin Ahmad bin 'Abdul Rashid,

Dan aku dengar daripada mereka yang aku percaya dengan dia, bahawasanya Syeikh Aba Yusuf Al-Hamadaniy adalah ia memperhentikan tiap-tiap pekerjaan daripada pekerjaan-pekerjaan kebajikan atas hari Rabu.
Dan bermula sebab yang demikian itu, kerana bahawasa. nya hari Rabu itu ialah hari yang dijadikan padanya akan nur, dan iaitu hari bercanding (celaka) pada hak orang-orang kafir. Maka adalah ia diberkatkan bagi orang-orang mu'min.

Dan adapun qadar memotongkan bacaan pada mula-mula-nya, adalah Abu Hanifah menghikayatkan daripada As Syeikh Al-Qadhi Al Imam 'Umar Ibnu Abi Bakar Az-Zanjiy, bahawa-sanya berkata ia; Berkata masyayeikh-masyayeikh kami: Sayugia bahawa adalah qadar potongan bacaan bagi orang-orang baharu belajar itu qadar barang yang dapat menghafaz akan dia dan mendhabith akan dia dengan meng-ulangkan potongan dan bacanya dua kali sahaja. Dan me-nambahkan potongan itu dengan perlahan-lahan dan sedikit-sedikit sekali jangan satu kali sahaja supaya mudah belajarnya dan hafaz-nya. Dan menambah ia pada tiap-tiap hari itu akan satu kalimah sehingga jadi panjang dan banyak sekalipun dapat mendhabith akan dia dan menghafaz akan dia dengan meng-ulangkan dua kali sahaja.

Maka adapun apabila panjanglah potongan bacaan pada mula-mulanya dan berhajatlah kepada mengulang-ngulangkan bacanya kepada sepuluh kali umpamanya baru ingat, maka itu orang pada kesudahannyapun adalah ia seperti demikian itu juga, kerana bahawasanya telah beradat ia akan yang demikian itu dan tiada boleh meninggal ia itu adat melainkan dengan usaha yang banyak.

Dikatakan:

السَّبْقُ حَرْفٌ وَالتَّكْرَارُ أَلْفٌ

Ertinya: Bermula potongan bacaan itu satu huruf dan mengulang-ulang itu seribu.
Maka katanya: satu huruf itu kinayah daripada sedikitnya. Dan katanya: Seribu itu kinayah daripada banyaknya sahaja bukan hakikat begitu.

Dan sayugia bahawa memulai ia dengan suatu daripada ilmu-ilmu itu qadar yang terlebih hampir kepada fahamnya dan mudah belajarnya dengan ketiadaan penat dan payah.

Dan adalah As Syeikh Al Imam Al-Ustaz Syarafuddin Al-'Uqailiy, berkata ia: Bermula yang betul di sisi aku pada menentu-kan potongan bacaan yang dimula akan dia pada mula-mula itu barang yang memperbuat akan dia oleh masyayeikh-masyayeikh kami.

Kerana bahawasanya mereka itu memilih mereka itu bagi orang-orang yang baharu belajar akan kitab-kitab yang kecil-kecil, kerana bahawasanya terlebih hampir kepada faham dan mendhabithnya dan terlebih jauh daripada jemu dan puas. Dan terlebih banyak jatuh masalah-masalahnya di antara manusia- manusia.

Dan sayugia bahawa menulis ia akan potongan-potongan bacaan yang ia hafaz daripada gurunya. a itu kemudian daripada bacaan dan dhabith dan mengulang-ulang akan dia akan sebagai ulang yang banyak, kerana bahawasanya tulis itu memberi manfaat sangat-sangat. Dan bahawa tiada menulis ia akan suatu yang tiada ia erti akan dia, kerana bahawasanya mem-bawa ia kepada jemu tabiatnya dan menghilangkan cerdik dan mensia-siakan waktunya.

Dan sayugia, bahawa bersungguh-sungguh ia pada memahamkan dan mengertikan daripada gurunya dengan amat-amati dan perati daripada barang yang mengatakan dia oleh gurunya dan dengan berfikir-fikir dan banyak mengulang-ulangkan, kerana bahawasanya, ambil sedikit potongan bacaannya dan banyak mengulang-ulangnya dan perati-perati- nya, nescaya didapatkan dia dan dierti akan dia.

Dikatakan:

حفظُ حَرْفَيْنِ خَيْرٌ مِنْ سِمَاعٍ وَقُرَيْنِ وَفَهُمُ حَرْفَيْنِ خَيْرٌ مِنْ حِفْظِ وَقْرَيْنِ

Ingatkan dua patah itu terlebih baik daripada mendengar dua tanggungan, dan erti dua patah itu terlebih baik daripada ingat dua tanggungan.

Dan apabila bermudah-mudah ia dan segan ia pada memahamkan dan mengambil ertinya dan tiada bersungguh-sungguh satu kali atau dua kali, nescaya beradat ia akan

yang demikian itu. Maka tiada mengerti ia akan cakapan yang mudah ertinya dan dapatnya, kerana beradat tabiatnya dengan tiada faham dan mengertinya.

Maka sayugia, bahawa bersungguh-sungguh ia dan berdoa akan Allah Ta'ala dan merendah kepadanya. Kerana bahawa-sanya, memperkenan ia akan mereka yang berdoanya dan me- mintanya dan tiada mensia-sia ia akan mereka yang berharap akan Dia.
Bersyair akan kami oleh Syeikh Qawamuddin Hammad bin Ibrahim Ismail Ash-Shaffar akan suatu syair bagi Qadhi Khalil bin Ahmad As-Sajarziy.

أخدم العلم خدمة المستفيد*وأدم درسه بفعل حميد

Berkhidmat olehmu akan ilmu dan berkekalan akan menuntutnya seperti berkhidmat dan berkekalan orang yang telah dapat akan kesedapannya. Dan kekal olehmu akan membaca-bacanya dengan perbuatan yang dipujikan. Dan iaitu hafaz dan ulang-ulangkan.

وإذا ما حفظت شيئا أعده*ثم أكده غاية التأكيد

Dan apabila hafaz engkau dan ingat engkau akan suatu daripadanya, maka ulang-ulang olehmu akan dia. Kemudian menguat akan dia akan sehabis-habis menguatkan.

كى لا يزول ثم علقه كى تعود* إليه وإلى درسه على التأبيد

Kemudian tulis olehmu akan dia supaya engkau kembali kepadanya dan kepada membaca-bacanya atas menguat-nguatkan.

فإذا ما أمنت منه فواتا * فانتدب بعده لشيئ جديد

Maka apabila percaya engkau akan ketiadaan luputnya dan hilangnya, maka bersegera-segera olehmu kemudian daripadanya kepada suatu ilmu yang baharu pula

مع تكرار ما تقدم منه* واقتناء لشأن هذا المزيد

serta mengulang- ulangkan barang yang terdahulu daripadanya dan serta berjinak-jinakkan bagi kelakuan hak yang baharu tambah ini. Dan usaha akan dia dengan secukup-cukup usahanya.

ذاكر الناس بالعلوم لتحيالا* تكن من أولى النهى ببعيد

Dan mengingatkan olehmu akan manusia-manusia dengan ilmu-ilmu engkau dengan bahawa engkau mengajar akan mereka itu supaya hidup engkau akan sebagai hidup yang berkekalan. Dan jangan engkau jauh daripada orang-orang yang mempunyai aqal kerana menyertai akan mereka itu memberi faedah akan dikau akan manfaat-manfaat dunia dan akhirat.

إذا كتمت العلوم أنسيت حتى* لا ترى غير جاهل وبليد

Dan jika engkau menyembunyikan ilmu, nescaya dibalaskan dikau dengan terlupa hingga dilihat dan disangka akan engkau itu seorang yang jahil dan yang bodoh.

ثم ألجمت فى القيامة نارا*وتلهبت بالعذاب الشديد

Kemudian dikekang akan dikau dengan kekang daripada api neraka pada hari qiamat. Dan bernyala-nyala ia pada sekalian tubuh engkau dengan 'azab dan seksa yang bersangatannya.

Dan tak dapat tidak bagi penuntut ilmu itu daripada munazharah, yakni kira bicara serta taulan-taulannya dan mutharahah, yakni berbahas dan berbalah-balah serta kawan- nya dengan qashad mencarikan yang sebenarnya dan

yang betulnya bukan qashad hendak menang dan bermegah-megah. Maka maknanya hampir dan bersuatu dengan makna munazharah itu. Dan muzakarah, yakni mengingat-ingat serta taulan-taulannya.

Maka sayugia bahawa adalah ia dengan insaf dan berfikir-kan diri pada sekaliannya, jangan ikut larut hawa nafsunya. Dan demikian juga berhalus dan perlahan dan amat-amati dan peratinya dan terpelihara ia daripada kemarahan dan per- kelahian, kerana bahawasanya, munazharah dan muzakarah
itu berjumu' kira(berhimpun, mengira dan berbincang) dan mesyuarat. Dan berjumu' kira dan mesyuarat itu sungguhnya kerana mengeluarkan yang betul dan sebenar. Dan demikian itu sungguhnya hasil ia dengan amt-amati dan perati dan berhalus dan insaf dan tiada hasil demikian itu dengan marah dan berkelahi.

Maka jika adalah niatnya mengalahkan lawannya dan me-nindihkan, nescaya tiada halal demikian itu. Dan sungguhnya halal demikian itu kerana menyatakan yang sebenar.
Dan bermula membuatkan keliru dan kesamaran dan helah itu tiada harus ia pada munazharah itu melainkan apabila adalah lawannya olok-olok dan senda-senda jua, bukan mencarikan yang sebenarnya, maka ketika itu harus ia.

Dan adalah Muhammad bin Yahya apabila dihadapkan kepadanya akan masalah musykil-musykil dan tiada dapat ia akan menjawabnya, berkata ia bagi yang mengadapnya dan menanyanya: "Bermula pertanyaan yang engkau hendak akan dia itu tentu kedatangan dan baiknya dan aku amat-amati padanya:

وَفَوْقَ كُلِّ ذِي عِلْمٍ عَلِيمٌ

Ertinya: Dan di atas tiap-tiap yang mempunyai pengetahuan itu ada yang amat mengetahuinya.

Dan bermula faedah mutharahah dan munazharah itu terlebih kuat daripada faedah semata-mata mengulang-ulangkan membacanya, kerana ada padanya mengulang-ulangkan dan lebih lagi dikatakan mutharahah satu ketika itu terlebih baik daripada mengulang-ulangkan membaca satu bulan, tetapi ada ia serta orang yang insaf dan sejahtera perangainya dan tabiatnya.

Dan jauh olehmu akan diri kamu daripada muzakarah serta orang mengolok-olok dan senda-senda yang tidak betul tabiat itu perangai-perangai itu limpah dan melampaui dan berhampir hampiran itu memberi bekas.

Dan pada syarah maksud-maksud syair Qadhi Khalil itu beberapa faedah yang banyak, yang sayugialah bagi penuntut. penuntut amat-amati akan dia dan perati akan dia dan beramal dengan dia selama-lamanya.

Seperti dikatakan syair:

العلم من شرطه لمن خدمه * أن يجعل الناس كلهم خدمه

Ilmu itu daripada syaratnya bagi mereka yang berkhidmatnya; bahawa menjadi ia akan manusia-manusia sekaliannya akan khadamnya.

Maksudnya: Setengah daripada tanda-tanda bagi ilmu yang memberi manfaat itu bahawa menjadi ia akan manusia-manusia sekaliannya khadam bagi orang yang menuntutnya

atau dikatakan setengah daripada syarat bagi dapat ilmu itu, bahawa jadi khadam sekalian manusia-manusia bagi orang-orang yang menuntutnya.

Maka kedua makna ini sah pada maknanya, kerana asal syair ini diihtimalkan dua ma'ani ini serta nampak sah kedua- nya.

Dan sayugia bagi penuntut- penuntut ilmu itu, bahawa adalah ia amat-amati dan perati pada sekalian waktu-waktu pada yang halus-halus daripada ilmu-ilmu dan beradat ia akan demikian itu. Kerana sungguhnya, didapatkan yang halus- halus daripada ilmu-ilmu itu dengan amat-amati dan perati. Dan kerana inilah dikatakan:

تَأَمُّلْ تُدْرِك.

Ertinya: Perati olehmu nescaya dapat kamu.

Dan tak dapat tidak daripada perati itu dahulu daripada mengeluarkan cakapan-cakapan supaya adalah ia betul. Kerana bahawasanya, cakapan itu seperti anak panah, maka tak dapat tidak daripada membetulkan dia dengan perati-perati dahulu daripada bercakap-cakap, lagi supaya adalah ia yang kena dan betul.

Dan berkata ia pada Ushul Al-Fiqh: "Inilah lunas yang besar." Dan iaitu bahawa adalah cakapan ulama’ feqah yang membicarakan itu dengan amat-amati dan perati.

Dikatakan:

رأس العقل أن يكون الكلام بالتثبت والتأمل.

"Bermula kepala aqal itu bahawa adalah cakapannya dengan tetap dan perati."

أوصيك فى نظم الكلام بخمسة *إن كنت للموصى الشفيق مطيعا

Berkata seorang yang berkata daripada ulama'-ulama': Aku berpesan akan dikau pada aturan cakapan dengan limanya; jika engkau taat bagi yang berpesan akan dikau yang kasih sayangnya.

لا تغفلن سبب الكلام ووقته * والكيف والكم والمكان جميعا

Jangan engkau lupa akan sebab cakapan dan waktunya; dan rupanya dan bilangan dan tempatnya sekaliannya.

Dan sayugia, bahawa adalah ia menuntut faedah pada sekalian waktu-waktu dan sekalian kelakuan-kelakuan dari pada sekalian manusia-manusia dan orang-orang dengan ketiadaan tilik kepada keadaannya yang hina dan yang mulia. kecil dan besar, jantan dan betina.

Sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ أَيْنَمَا وَجَدَهَا أَخَذَهَا.

Ertinya: Bermula ilmu dan kepandaian itu pungutan orang yang mu'min, di mana-mana tempat ia dapat akan dia mengambil ia akan dia.

Dikatakan:

خذ ما صفا ودع ما كدر

Ambil olehmu akan barang yang bersih, dan tinggal olehmu akan barang yang keruh.

Dan aku dengar akan Syeikh Al Imam Al-Ajall Al-Ustaz Fakhruddin Al-Kasyaniy, berkata ia: "Adalah hamba perempuan Abi Yusuf Rahimahullahu Ta'ala amanat di sisi Muhammad." Maka berkata ia baginya: "Adakah engkau hafaz pada ini waktu daripada Abi Yusuf akan suatu masalah daripada masalah- masalah feqah?" Berkata ia: Tiada, melainkan bahawasanya Aba Yusuf adalah adatnya yang berkekalan, bahawa meng- ulang-ulang ia, dan berkata ia: "Habuan daur itu gugur."

Maka hafazlah Muhammad akan demikian itu daripada ini hamba perempuan, walhal adalah ini masalah jadi musykil atas Muhammad. Maka hilanglah musykilnya dengan ini kalimah. Maka diketahuikan bahawasanya menuntut faedah itu mungkin dan dapat ia daripada tiap-tiap seorang.
Dan kerana inilah berkata Abu Yusuf pada ketika dikata- kan baginya: "Dengan apa engkau dapat ilmu?" Berkata ia: "Tiada tertegah aku daripada menuntut faedah dan faham daripada tiap-tiap seorang kerana sombong dan membesar diri dan tiada penyayang daripada memberi faham."
Dan adalah masalah habuan daur itu ada tersebut di dalam syarah ini risalah tetapi perhamba tiada bawa akan dia, kerana takut panjangnya.

Dikatakan bagi Ibnu 'Abbas Radhiyallahu 'anhuma:

بم أدركت العلم؟ قال: بلسان سؤول، وقلب عقول

Dengan apa engkau dapatkan ilmu?" Berkata Ibnu 'Abbas: "Dengan lidah yang sangat bertanya-tanya dan hati yang sangat berfikir-fikir.

Dan sungguhnya dinamakan penuntut-penuntut ilmu pada zaman dahulu dengan "apa engkau kata", kerana banyak

berkata- kata mereka itu pada zaman dahulu dengan perkataan "apa engkau kata pada ini masalah".

Dan sungguhnya Abu Hanifah jadi pandai pada feqah itu dengan banyak mutharahah dan muzakarah pada ketika adalah ia jadi penjual kain-kain kotan atau kapas. Maka dengan ini diketahuikan bahawasanya dapat ilmu dan feqah itu ber-himpun ia serta usaha, seperti menghimpun akan dia oleh Abu Hanifah.

Dan adalah Abu Hafsh Al-Kabir berusaha ia akan barang yang memadai akan dia daripada rezekinya dan mengulang ia akan ilmu-ilmunya.
Maka jika tak dapat tidak bagi penuntut ilmu itu daripada berusaha bagi manfaat anak-anak bininya dan lainnya. Maka hendaklah berusaha ia dan mengulang akan ilmunya dan tiada segan dan malas ia.

Dan tidaklah harus bagi seorang yang segar badan dan banyak aqal itu ke'uzuran pada meninggalkan belajar ilmu dan belajar feqah, kerana bahawasanya tiada ada seorang yang terlebih papa daripada Abi Yusuf dan tiada menegah akan dia oleh demikian itu daripada belajar ilmu feqah.

Maka barangsiapa yang ada baginya harta banyak, maka sebaik-baik harta yang baik itu bagi lelaki yang baik.

Dikatakan seorang yang alim: "Dengan apa engkau dapat-kan ilmu?" Katanya: "Dengan bapa yang kaya."
Kerana bahawasanya, bapa yang kaya itu adalah ia membuat baik dengan dia akan ahli ilmu dan ahli kelebihan. Kerana bahawasanya, membuat baik itu jadi sebab bagi bertambah ilmu.

Kerana bahawasanya, jadi syukur atas nikmat aqal dan ilmu dan bahawa syukur atas nikmat aqal dan ilmu itu jadi sebab bagi bertambah ilmu.

berkata al Imam Abu Hanifah:

إنما أدركت العلم بالحمد والشكر، فكلما فهمت ووفقت على فقه وحكمة قلت: الحمد لله، فازداد علمي.

Hanya sungguhnya aku dapat akan ilmu itu dengan memuji akan Allah Ta'ala dan syukur akan dia. Maka tiap-tiap aku dapat faham dan ditaufiq akan daku atas feqah dan hikmah, maka berkata aku "Alhamdulillah Ta'ala", maka bertambahlah ilmuku."

Dan demikianlah sayugia bagi penuntut-penuntut ilmu, bahawa isytighal dan ghalib ia dengan syukur akan Allah Ta'ala dengan lidahnya, hatinya, anggota-anggotanya dan hartanya.

Dan bahawa i'tiqad ia, bahawasanya fahamnya dan ilmu- nya dan taufiqnya daripada Allah Ta'ala. Dan menuntut ia akan petunjuk daripada Allah Ta 'ala dengan berdoa daripada- nya dan merendah diri kepadanya, kerana bahawasanya Allah Ta'ala itu memberi petunjuk akan mereka yang me- nuntuti petunjuk daripadaNya. Kerana bahawasanya, ahli-ahli Al-Haq, iaitu Ahli As-Sunnah wal-Jama 'ah menuntuti mereka itu akan yang sebenarnya daripada Allah Ta'ala yang Al- Haq Al-Hadi Al-Mubin Al-'Ashim, maka memberi petunjuk ia akan mereka itu dan memelihara ia akan mereka itu daripada sesat.

Dan ahli Adh-Dhalalah, iaitu mereka-mereka yang sesat, hairan mereka itu dan tercengang mereka itu dengan

pandangan mereka itu. Dan 'aqal mereka itu menuntuti mereka itu akan sebenar daripada makhluk yang lemah, dan iaitu 'aqal. Kerana bahawasanya 'aqal itu tiada mendapat ia akan sekalian perkara- perkara seperti mata tiada nampak ia akan sekalian perkara- perkara. Maka didinding akan mereka itu dan lemah mereka itu dan sesat mereka itu dan menyesat mereka itu.

Sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

Ertinya: Siapa-siapa yang kenal ia akan dirinya, maka sungguhnya kenal ia akan Tuhannya.

Maka apabila kenal ia akan lemah dirinya kenal ia dan menge-tahui ia akan kuasa Allah Ta'ala dan tiada berpegang ia atas dirinya dan 'aqalnya bahkan tawakkal ia atas Allah Ta'ala dan menuntut ia daripadanya akan yang sebenarnya. Dan siapa- siapa yang bertawakkal ia atas Allah Ta'ala, maka iaitu me- madai akan dia dan memberi petunjuk ia akan dia kepada jalan yang betul.

Dan siapa-siapa yang ada baginya harta, maka jangan penyayang ia. Dan sayugia bahawa berlindung ia dengan

Allah Ta'ala daripada penyayang.

Sabda Nabi 'Alaihisshalatu wassalam:

أَيُّ دَاءٍ أَدْوَا مِنَ الْبُخْلِ

Ertinya: Di manakah lagi penyakit yang terlebih bersangatan daripada penyayang,.

Dan adalah bapa Al-Syeikh Al Imam Al-Ajall Syamsul Aimmah Al-Halawani, papa ia, menjual ia akan halwa'-halwa dan memberi ia akan fuqaha'-fuqaha' daripada halwa' dan berkata ia: "Berdoa oleh kamu bagi anakku." Maka dengan berkat kemurahannya, i'tiqadnya, kasih-sayangnya dan merendah dirinya, mencapailah anaknya akan barang yang ia mencapaikan.

Dan sayugia pula bahawa membeli oleh penuntut-penuntut ilmu itu akan kitab-kitab dengan sertanya dan mengambil upah ia akan menyuratnya. Maka jadilah ia pertolongan atas belajar ilmu dan belajar feqah.

Dan sungguhnya adalah bagi Muhammad bin Al-Hasan, harta yang banyak hingga adalah baginya 300 wakil pada bicarakan hartanya. Maka menafkah ia akan hartanya sekaliannya pada ilmu dan tiada tinggal baginya suatu kain yang elok. Maka lihat akan dia oleh Abu Yusuf pada suatu kain yang buruk, maka menghantar ia kepadanya akan beberapa kain yang elok-elok, maka tiada menerima ia akan dia. Maka berkata ia: "Bersegera olehmu bagi kamu dan tempoh olehmu bagi kami, dan mudah-mudahannya sungguhnya tiada menerima ia akan dia itu. Dan jika adalah menerima akan hadiah itu sunat sekalipun kerana pandang ia bahawasanya pada demikian itu menghinakan dirinya."

Dan bermula menghinakan dirinya itu tiada harus, kerana sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

لَيْسَ لِلْمُؤْمِنِ أَنْ يَذِلَّ نَفْسَهُ

Ertinya: Tiada harus bagi orang mu'min itu bahawa menghina ia akan dirinya.

Dan dihikayatkan bahawasanya Fakrul Islam Al-Arsabandi, menghimpun-himpun ia akan kulit-kulit timun yang dilontar-kan dia pada suatu tempat yang sunyi daripada orang-orang, maka makan ia akan dia. Maka lihat akan dia oleh satu hamba perempuan, maka mengkhabar ia dengan demikian itu akan penghulunya. Maka menjadi ia baginya akan suatu seruan, maka menyeru ia akan dia kepadanya, maka tiada menerima ia, maka sebabnya itu kerana inilah.

Dan demikianlah sayugia bagi penuntut-penuntut ilmu itu bahawa ada ia mempunyai hemah yang tinggi, tiada tamak dan tiada loba akan harta-harta orang.

Bersabda 'Alaihisshalatu wassalam:

إِيَّاكَ وَالطَّمَعَ فَإِنَّهُ فَقْرٌ حَاضِرٌ

Ertinya: Jauh olehmu akan diri kamu itu daripada bersifat dengan tamak, kerana bahawasanya papa yang hadir.

Dan sayugia bahawa tiada penyayang ia dengan barang yang di sisinya daripada hartanya, bahkan menafkah ia atas dirinya dan atas yang lainnya.

Dan sayugia bagi penuntut-penuntut ilmu itu pula bahawa menyedia dan mengkadar ia bagi dirinya akan kadar pada mengulang-ulangkan memotongkan bacaannya dan membaca- bacanya, kerana bahawasanya tiada tetap hatinya hingga sampai ia akan demikian itu qadar yang ditentukan.

Dan sayugia bahawa mengulang-ulang ia akan potongan bacaan kelmarin lima kali, dan potongan hari yang dahulu daripadanya empat kali, dan potongan yang dahulu daripada-nya tiga kali, dan potongan hari yang dahulu daripadanya dua

kali dan yang dahulu daripadanya sekali. Maka ini aturan terlebih membawa kepada ingat.

Dan sayugia bahawa tiada beradat ia akan bersembunyi-sembunyi pada mengulang-ulangnya, kerana bahawasanya membaca-baca itu sayugia bahawa ada ia dengan rajin dan kuat dan bahawa tiada perdarah ia sehabis-habis darah. Dan bahawa tiada memenat ia akan dirinya supaya tiada terputus ia daripada mengulang-ulangkan kemudiannya, kerana sebaik- baik pekerjaan itu yang pertengahannya.

Dihikayatkan, bahawasanya Aba Yusuf adalah ia meng- ingat-ingat akan feqah serta fuqaha'-fuqaha' dengan kuat dan rajin. Adalah menantunya hairan ia pada kelakuannya dan berkata ia: "Aku ketahui bahawasanya lapar ia selama lima hari dan serta demikian itu bahawasanya munazharah ia dengan kuat dan rajin."

Dan sayugia bahawa tiada adalah bagi penuntut ilmu itu lambat dan bimbang, kerana bahawasanya penyakit yang menegahkan dapat ilmu.

Dan adalah guru kami Syeikh Al-Islam Burhanuddin berkata ia: "Sungguhnya menang aku atas taulan-taulanku dengan bahawasanya aku tiada jatuh bagiku lambat dan bimbang pada membelajarkan dan menghasilkan.

Dan adalah ia menghikayatkan daripada Syeikh-Al-Islam Al-Asbijabiy, bahawasanya jatuh pada membelajarinya dan mengajian lambat 12 tahun dengan sebab jatuh raja daripada pangkatnya dan menggantikan yang lainnya pada tempatnya dan keluar ia serta taulannya pada munazharah dan tiada meninggal keduanya akan munazharah. Dan keduanya duduk

keduanya pada munazharah pada tiap-tip hari dan sentiasa demikian itu 12 tahun. Maka jadilah taulannya Syeikh Al-Islam bagi orang-orang mazhab Imam kita Asy-Syafi'i Radhiyallahu 'anhu dan dirinya pun mazhab Asy-Syafi'i.
Dan adalah guru kami, As Syeikh Al-Qadhi Al Imam Fakhrul Islam Qadhi Khan, berkata ia: "Sayugia bagi orang yang belajar ilmu feqah, bahawa menghafaz ia akan satu buah daripada kitab-kitab feqah, ingat ia selama-lamanya, maka mudah baginya kemudian daripada itu mengingatkan barang yang ia dengar akan dia daripada feqah-feqahnya.

فَصْلٌ: فِي التَّوَكَّلِ

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN TAWAKKAL, YAKNI BERSERAHKAN KEPADA TUHAN 'AZZA WA JALLA

Kemudian tak dapat tidak bagi penuntut-penuntut ilmu itu daripada tawakkal pada menuntut ilmu itu dan tiada cita- cita ia pada pekerjaan rezeki dan tiada menggenala ia akan hatinya dengan demikian itu.

Riwayat oleh Abu Hanifah Rahimahullahu 'alaih daripada 'Abdullah bin Al HasanAz-Zubaidiy ia seorang daripada sahabat-sahabat Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ تَفَقَّهَ فِي دِيْنِ اللَّهِ كَفَاهُ اللَّهُ هَمَّهُ وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يحتسب.

Ertinya: Barangsiapa yang menuntut faham ia pada agama Allah Ta'ala nescaya memadai akan dia oleh Allah Ta'ala akan cita-citanya dan rezekinya daripada sekira-kira tiada berkehendak ia.

Kerana bahawasanya, mereka yang menggenala ia akan hatinya dengan pekerjaan rezeki daripada makanan dan

pakaiannya nescaya sedikit sangat menyedia ia bagi menghasil. kan yang baik-baik daripada perangai dan mulia-mulianya dan akan yang tinggi-tinggi daripada pekerjaannya.

Dikatakan kepada itu orang:

دعِ المكارم لا ترحلْ لبُغْيَتِها *واقعدْ فإنك انت الطاعمُ الكاسي

Tinggal kamu akan baik-baik perangai jangan musafir kerana menuntutnya dan duduk kamu kerana engkau yang pemakan dan yang pemakainya.

Maksudnya: Tinggal olehmu akan yang baik-baik daripada perangai dan kemuliaannya. Dan jangan engkau berpindah dan musafir ke mana-mana negeri kerana menuntut akan dianya. Dan duduk olehmu dan berhenti olehmu daripada menyeru- nya, kerana bahawasanya engkau seorang yang sangat peraub dan pemakan dan sangat memakai-makai dan tergendala bagi menghasilkan dianya.

Maka bagaimanakah mudah bagi engkau menghasilkan yang baik-baik daripada perangai dan meng- usaha akan dianya.

Berkata seorang lelaki kepada Manshur Al-Hallaj: "Berpesan olehmu akan daku, maka berkatanya

هي نفسك, إن لم تشغلها شغلتك.

iaitu nafsu engkau jika engkau tidak menggenala akan dia nescaya menggenala ia akan dikau."

Maka sayugia bagi tiap-tiap seorang bahawa meng- gendala ia akan nafsunya dan dirinya dengan amalan-amalan yang kebajikan supaya tiada menggenala oleh nafsunya dengan hawa dan inginnya.

Dan sayugia bahawa tiada cita-cita oleh yang beraqal bagi pekerjaan dunia, kerana bahawasanya cita-cita dan runsing itu tiada menolak ia akan musibah, yakni bala' dan tiada memberi manfaat ia bahkan memberi mudharat ia akan hati, aqal, badan dan mencedera ia akan amalan-amalan kebajikan. Dan tiada mencita-cita ia akan pekerjaan akhirat, kerana bahawasa-nya pekerjaan akhirat itu memberi manfaat akan dia pada akhirat.

Dan adapun sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ مِنَ الذُّنُوبِ ذُنُوبًا لَا يُكَفِّرُهَا إِلَّا هَمُّ الْمَعِيشَةِ

Ertinya: Bahawasanya setengah daripada dosa-dosa itu beberapa dosa yang tiada mengkafarah akan dia melainkan cita-cita akan pekerjaan kehidupan.

Maka yang dikehendak daripadanya kadar cita-cita, yang tiada mencedera ia akan amalan-amalan kebajikan dan tiada menggendala ia akan hati akan sebagai gendala yang men-cederakan akan ingat hati di dalam sembahyang, kerana bahawasanya cita-cita dan qashad seperti itu setengah daripada amalan-amalan akhirat. Kerana maksud daripada pekerjaan kehidupan pada hadith itu kehidupan dirinya dan kehidupan anak-anak bini-bininya dan lainnya daripada mereka-mereka yang wajib nafkah atasnya. Maka yang demikian itu tentu sangatlah pekerjaan akhirat.
Dan tak dapat tidak pula bagi penuntut-penuntut ilmu itu daripada menyedikitkan gantungan-gantungan yang bangsa dunia dengan kadar kuasanya dan sekuasa-kuasanya. Dan kerana inilah memilih oleh ulama'-ulama' akan dagang daripada negeri-negerinya, kerana bahawasanya orang yang dagang itu sedikitlah gantungan-gantungannya yang dunia.

Dan tak dapat tidak bagi penuntut-penuntut ilmu pula daripada menanggungkan kesusahan dan kepenatan pada musafir-musafir kerana menuntut ilmu, seperti berkata Musa 'Alaihisshalatu wassalam pada safar menuntut ilmunya, yang menghikayatkan dia oleh Allah Ta'ala di dalam Al-Quran:

لَقَدْ لَقِينَا مِن سَفَرِنَا هَذَا نَصَبًا

Ertinya: Sungguhnya mendapat kita daripada safar kita ini akan kepenatan. (Surah Al-Kahfi: 62)

Maka sebabnya, maka kata begitu supaya diketahuikan bahawasa safar menuntut ilmu itu tiada sunyi daripada penat. Kerana bahawasanya, menuntut ilmu itu pekerjaan yang besar dan iaitu terlebih afdhal daripada berperang-perang di sisi kebanyakan ulama'-ulama' dan pahalanya atas kadar lempuh dan penat.

Maka barangsiapa yang sabar ia atas demikian itu lempuh dan penat, nescaya dapat ia akan sedap ilmu itu lebih tinggi daripada sekalian kesedapan-kesedapan dunia.

Dan kerana inilah adalah Muhammad bin Al Hasanapa- bila berjaga-jaga ia pada malam-malam, nescaya terhurailah daripadanya segala musykilah-musykilah, serta kata ia: "Di manakah anak-anak segala raja-raja daripada ini sekalian kesedapan-kesedapan?"

Yakni; bahawasanya anak-anak segala raja-raja itu jauh sangat daripada mendapat kesedapan, kerana bahawasanya kesedapan-kesedapan yang lebih sekali itu kesedapan-kesedapan ilmu yang tiada mengetahui akan dia oleh orang-

orang jahil dan jikalau mereka itu anak-anak raja-raja sekalipun.

Dan sayugia bagi penuntut-penuntut ilmu itu bahawa tiada berkerja ia dengan suatu pekerjaan yang lain daripada menuntuti ilmu dan bahawa tiada berpaling ia dan tiada meninggal ia akan feqah.
Berkata Muhammad Rahimahullahu Ta'ala, bahawasanya pekerjaan kita ini daripada bumi buai (andul) kepada liang lahad. Maka barangsiapa yang berkehendak meninggalkan ilmu feqah kami ini satu ketika, maka hendaklah meninggalkan ia akan dia selama-lama zaman.

Dan pada satu masa zaman dahulu masuk seorang yang alim feqah, iaitu Ibrahim bin Al-Jarrah kepada Abi Yusuf, menziarah ia akan dia pada sakit matinya, walhal ia hampir hendak keluar ruhnya. Maka berkata Abu Yusuf baginya: "Adakah melontar jamrah-jamrah sambil menunggang afdhal atau melontar sambil berjalan kaki afdhal?" Maka tiada menge- tahui Ibrahim akan jawabnya, maka menjawab ia sendirinya: "Dan iaitu melontar sambil berjalan kaki itu terlebih kasih pada dua yang pertama, yakni Jamrah Al-Ula dan Jamrah Al-Wustha. Adapun Jamrah Al-'Aqabah, maka melontar padanya sambil menunggang itu afdhal.

Demikianlah sayugia bagi yang alim pada feqah bahawa isytighal ia dengan dia dan ralib ia dengan dia pada sekalian waktu-waktunya, maka ketika itu mendapat ia akan kesedapan yang besar dan sangatnya.

Dikatakan: Dimimpikan lihat Muhammad dalam tidur kemudian daripada matinya, maka dikatakan baginya: "Betapa engkau pada ketika dicabutkan nyawa?" Maka

berkata ia: "Adalah aku perati pada satu masalah daripada masalah-masalah mukatab, maka tidak sedar akan dengan keluar ruhku.

Dikatakan pula bahawasanya, berkata ia pada akhir 'umurnya: "Menggendala akan daku oleh masalah-masalah mukatab daripada bersediakan bagi ini hari, yakni hari mati."

Dan sungguhnya berkata ia demikian itu kerana tawadhu' dan merendah diri.

فَصْلٌ: فِي وَقْتِ التَّحْصِيلِ

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN WAKTU MENGHASILKAN ILMU DAN MENUNTUTNYA SA'AT-SA'AT BELAJAR

Dikatakan waktu belajar ilmu itu daripada buai (andul) hingga liang lahad.
Dan masuk Hasan bin Ziyad pada belajar ilmu feqah, walhal ia ketika itu umurnya 80 tahun. Dan tiada bermalam atas hamparan 40 tahun, maka ifta' ia kemudian daripada itu 40 tahun, maka jadilah semua umurnya 160 tahun.

Maka nyatalah daripada ini bahawasanya menuntut ilmu itu lazim dan mesti dan jika adalah umurnya telah sampai delapan puluh tahun dan sekalipun.

Dan terlebih afdhal waktu-waktu itu, waktu awal mudanya, dan waktu dunia hari, dan antara Maghrib dan 'Isya'. Dan sayugia bahawa menghabisi ia akan sekalian waktu-waktunya.

Maka apabila jemu ia daripada satu ilmu, berpindah ia kepada ilmu yang lain pula, kerana bahawasanya, tiap-tiap ilmu itu ada baginya kesedapan yang lain daripada kesedapan ilmu yang lain daripadanya.

Dan adalah Ibnu 'Abbas Radhiyallahu 'anhuma apabila jemu ia daripada bercakap-cakap, berkata ia: "Bawa olehmu akan kitab-kitab syair."

Dan adalah Muhammad Ibnu Al Hasantiada tidur ia pada malam dan adalah ia meletak di sisinya akan buku-buku. Dan adalah ia apabila jemu ia daripada satu bagi, tilik ia kepada bagi yang lain pula. Dan adalah ia meletakkan di sisinya air dan menghilang ia akan mengantuknya dengan air. Dan adalah ia berkata: "Bermula mengantuk itu daripada panas, maka tak dapat tidak daripada menolaknya dengan air yang sejuk."

فَصْلٌ: فِي الشَّفَقَةِ وَالنَّصِيْحَةِ

Ini Suatu Fasal Pada Menyatakan KASIH-SAYANG DAN NASIHAT

Dan sayugia bahawa adalah yang mempunyai ilmu itu bersifat ia dengan kasih-sayang lagi memberi nasihat, lagi ketiadaan dengki. Kerana bahawasanya, dengki itu memberi mudharat dan tiada memberi manfaat.

Dan adalah guru kami Syeikh Al- Islam Burhanuddin Rahimahullahu 'alaih berkata ia: "Berkata ulama'-ulama', bahawasanya anak orang alim yang mengajar- mengajar itu adalah ia alim." Kerana bahawasanya, orang yang mengajar

itu berkehendak bahawa adalah anak-anak muridnya itu alim pada Al-Quran, maka dengan berkat i'tiqadnya dan kasih-sayangnya itu adalah anaknya itu alim.

Dan adalah dihikayatkan, bahawasanya Ash-Shadru Al- Ajall Burhan Al-Aimmah, menjadi ia akan waktu belajar dan memotongkan bacaan bagi dua anaknya, Ash-Shadru Asy-Syahid Husamuddin dan Ash-Shadru As-Sa'id Tajuddin pada waktu dhuha tinggi, kemudian daripada sekalian bacaan-bacaan
sekalian murid-muridnya. Maka berkata keduanya: "Bahawasa-nya tabiat kami lempuh dan jemu pada demikian itu waktu." Maka berkata bapa keduanya: "Bahawasanya orang-orang yang dagang dan anak-anak orang besar-besar datang mereka itu akan daku daripada hujung-hujung bumi, maka tak dapat tidak daripada bahawa aku mendahulukan bacaan-bacaan mereka itu." Maka dengan berkat kasih-sayangnya, jadi tinggilah dan lebihlah kedua anaknya atas kebanyakan ulama'-ulama' feqah atas muka bumi pada demikian itu masa pada feqahnya.

Dan sayugia bahawa tiadalah yang mempunyai ilmu itu berbantah-bantah dan berkelahi akan seorang, kerana bahawa- sanya berbantah berkelahi itu mensia-siakan waktu-waktunya.
Dikatakan: Bermula yang berbuat baik itu lagi akan dibalas-kan dengan baiknya, dan yang jahat itu lagi akan memadai akan dia oleh kecela-kecelaannya.

Bersyairlah akan daku oleh As Syeikh Al Imam Al- Ajall Az-Zahid Al-'Arif Ruknuddin Muhammad bin Abi Bakr Rahimahullahu 'alaih, berkata ia: Bersyair akan daku oleh Sul-tan Asy-Syari'ah Yusuf Al-Hamadani ini syair, iaitu:

لا تجز إنسانا على سوء فعله * سيكفيه ما فيه وما هو فاعله

Tinggal kamu akan seorang jangan engkau balas dengan jahat buatnya; lagi akan memadai akan dia oleh barang padanya dan barang yang ia buatnya.

Maksudnya: Tinggal olehmu akan seorang, dan biar oleh- mu akan dia, dan jangan kamu balas akan dia atas jahat per- buatnya. Kerana lagi akan memadai akan dia dan menegah akan dia daripada berbuatnya oleh perbuatan yang ada padanya, dan perbuatan yang ia buat akan dianya dan kembalilah kejahatannya kepadanya.

Dikatakan: Barangsiapa yang berkehendakkan menghina- kan bunga hidung seterunya, maka hendaklah mengulang-ulang ia akan ini syair. Dan bersyair akan daku:

إذا شئت أن تلقي عدوك راغمـــا * وتقتله غما وتحرقه هما

Apabila kehendak engkau menjadikan bunga hidung seteru itu hinanya; dan bahawa engkau bunuhkan kerana dukanya dan terbakar citanya.

فرم للعلى وازدد من العلم إنه * من ازداد علما زاد حاسده غما

Maka tuntut olehmu akan ketinggian dan bertambah kamu daripada ilmunya; barangsiapa yang bertambah ilmunya bertambah yang dengki lagi dukanya.

Maksudnya: Apabila engkau berkehendak bahawa engkau melontarkan kehinaan pada bunga hidung seteru engkau, dan berkehendak bahawa engkau bunuhkan dia dengan dukanya, dan bahawa engkau bakar akan dia dengan cita- citanya dan runsingnya, maka qasad olehmu dan tuntut

olehmu akan ketinggian dan menambah olehmu akan ilmu dan pengetahuan.

Kerana bahawasanya, barangsiapa yang bertambah ilmu- nya dan pengetahuannya, nescaya bertambahlah yang men-dengki akan dia dukanya dan runsingnya. Maka dengan demikianlah jadi hina ia sehabis-habis hina dan jadi terbakar dan terbunuh ia dengan demikian itu, maka hasillah maksud engkau.

Dikatakan:

عليك أن تشتغل بمصالح نفسك لا بقهر عدوك، فإذا أقمت مصالح نفسك تضمن ذلك قهر عدوك.

Lazim olehmu akan diri kamu bahawa engkau mengerjakan kemaslahatan-kemaslahatan diri engkau, jangan dengan mengerasi akan seteru engkau. Maka apabila mendiri Oleh engkau akan maslahat-maslahat diri engkau, nescaya mengandungi engkau akan demikian itu akan mengerasi seteru engkau.

إياك والمعاداة فإنها تفضحك وتضيع أوقاتك، وعليك بالتحمل لا سيما من السفهاء.

Dan jauh olehmu akan diri kamu daripada berseteru. seteruan, kerana bahawasanya berseteru-seteruan itu meng-hancur dan membacur akan dikau dan mensia-sia ia akan waktu- waktu engkau.
Dan lazim olehmu akan diri kamu dengan tertahan dari- pada kezaliman dan menyakit-nyakiti, istimewa pula daripada orang-orang yang bodoh.

Berkata 'Isa Ibnu Maryam 'Alaihisshalatu wassalam:

احْتَمِلُوا مِنَ السَّفِيْهِ وَاحِدَةً كَيْ تَرْبَحُوا عَشْرًا

Ertinya: Tertahan dan tertanggung olehmu daripada orang yang kemacar (bodoh) itu akan satu menyakiti supaya engkau terlepas daripada sepuluhnya.

Kata syair:

بلوتُ الناسَ قرنا بعد قرن*ولم أر غير خَتال وقالي

Cuba aku akan manusia-manusia lepas satu masa satu masanya; maka tiada aku lihat melainkan yang khianat dan yang pemarahnya.

ولم أر فى الخطوب أشد وقعا*وأصعب من معاداة الرجال

Dan tiada aku lihat pada pekerjaan besar-besar terlebih sangat mesranya;
dan terlebih payahnya daripada berseteruan akan lelaki- nya

وذقت مرارة الأشياء طرا*وما ذقت أمر من السؤال

Dan merasa aku akan pahit sekalian perkara-perkara semuanya, tiada merasa aku akan terlebih pahit daripada berminta- mintanya.

Dan jauhkan olehmu akan diri kamu daripada bahawa engkau sangkakan dengan orang mu'min itu akan kejahatan, kerana bahawasanya, sangkakan kejahatan itu tempat keluar berseteruan dan kejadiannya, dan tiada halal yang demikian itu, kerana sabdanya Shallallahu 'alaihi wasallam:

ظَنُّوا بِالْمُؤْمِنِينَ خَيْرًا

Ertinya: Sangkakan olehmu dengan orang-orang mu'min itu akan kebajikan.

Dan sungguhnya jadilah dan keluarlah oleh jahat sangka itu daripada keji niatnya dan jahat rahsianya, seperti berkata Abu Ath-Thaiyib akan syair:

إذا ساء فعل المرء ساءت ظنونه*وصدق ما يعتاده من توهم

Apabila jahatlah oleh perbuatan seorang jahatlah sangka-sangkanya;
dan membenarkan barang yang beradatnya keluar daripada waham-wahamnya.

وعادى محبيه بقول عداته*وأصبح فى ليل من الشك مظلم

Dan berseteruankan kekasih-kekasihnya dengan perkataan seterunya, dan jadilah ia pada syak yang kelam seperti malamnya.

Kata syair:

تنح عن القبيح ولا ترده*ومن أوليته حسنا فزده

Berasing olehmu daripada yang keji dan jangan kehendaknya; dan barangsiapa yang engkau beri baiknya, maka tambah olehmu akan dianya.

ستكفى من عدوك كل كيد*إذا كاد العدو فلا تكده

Lagi akan dimemadai akan dikau daripada seteru engkau akan tipudayanya; apabila hampir ia daripada menipunya, maka jangan engkau tipudayanya.

Maksudnya: Berasing olehmu dan jauh olehmu daripada sekalian yang keji-keji, dan jangan engkau kehendak akan dia dan hampir akan dianya, hanya tinggal olehmu akan dia sama sekali.

Dan barangsiapa yang engkau berbuat baik akan dia dan engkau memberikan kebudiannya, maka tambah olehmu

akan dia, kerana bahawasanya lagi akan memadai akan dikau oleh Allah Ta'ala daripada seteru engkau akan sekalian tipu-tipu dayanya dan helahnya. Maka kembalilah mudharat-mudharat- nya kepadanya.

Dan apabila hampirlah seteru engkau itu daripada menipu-nipu akan dikau, maka jangan tipu akan dia, hanya berserah olehmu akan pekerjaan itu kepada Allah Ta'ala, maka ialah yang membalaskan akan dianya.

Dan bersyair pula oleh seorang akan daku daripada suatu syair bagi As Syeikh 'Amid Abu Al-Fath Al-Basthiy Rahimahullahu Ta'ala:

ذو العقل لا يسلم من جاهل*يسومه ظلما وإعناتا

Yang mempunyai aqal itu tiada sejahtera daripada tipudaya orang jahilnya, menzalim ia akan dia dengan memberatkan pekerjaannya dan memendaknya.

فليختر السلم على حربه*وليلزم الإنصات إنصاتا

maka memilihlah ia akan damainya daripada berperang kelahinya; dan melazim ia akan diam jika jerkah ia sekalipunnya.

Maksudnya: Tiap-tiap orang yang mempunyai aqal dan fikiran itu tiada aman ia dan tiada sejahtera daripada menipu daya orang-orang yang jahil akan dia. Dan menzalim mereka itu akan dia dengan memberat-berati atasnya akan pekerjaan- pekerjaan yang payah-payah dan penat. Dan menjatuhi mereka itu akan dia pada barang yang tiada kuasa keluar dan lepas daripadanya.

Maka hendaklah memilih oleh yang mempunyai aqal itu akan bershuluh dan berdamai atas berperang dan berkelahinya akan mereka itu. Dan hendaklah melazim ia akan diam, dan jikalau menjerkah-jerkah mereka itu sekalipun. Dan jangan membalas ia akan mereka itu, kerana bahawasanya menjawab-kan akan orang yang bodoh itu ialah dengan diam.

فَصْلٌ: فِي الاسْتِفَادَةِ

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN KELAKUAN MENGAMBIL FAEDAH, MENCARI FAHAM DAN PENGGUNAANNYA

Dan sayugia bahawa adalah penuntut-penuntut ilmu itu meng- ambil faedah dan mencari faham pada tiap-tiap waktu supaya hasil baginya oleh kelebihan dan kesempurnaan pada ilmu.
Dan bermula jalan mengambil faedah dan mencari faham itu bahawa adalah sertanya pada tiap-tiap waktu itu jubul (botol) dakwat atau qalam berdakwat supaya menulis ia akan tiap-tiap barang yang didengar akan dia daripada penggunaan- penggunaan yang bangsa ilmu.

Dikatakan:

مَنْ حَفِظَ فَرَّ وَمَنْ كَتَبَ شَيْئًا قَرَّ

Ertinya: Barangsiapa yang ingat ia nescaya lari ia, dan siapa-siapa yang menulis ia akan sesuatu nescaya tetap ia.

Dan dikatakan pula: Bermula ilmu itu barang yang difaham akan dia dan diambil akan dia daripada mulut-mulut lelaki, yakni yang mahir lagi sempurna. Kerana bahawasanya, mereka itu ingat mereka itu akan yang terlebih elok barang

yang mendengar mereka itu dan berkata mereka itu akan yang terlebih elok barang yang ingat mereka itu.

Dan telah mendengar aku akan Syeikh Al-Ustaz Zainul Islam yang dimasyhurkan dengan Al-Adib Al-Mukhtar, berkata ia Hilal bin Yasar: Ketahui aku akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda ia bagi sahabat-sahabatnya akan suatu daripada ilmu dan hikmah, maka berkata aku: "Ya Rasulullah, ulangkan olehmu bagiku akan barang yang engkau sabda bagi mereka itu." Maka bersabda ia bagiku: "Adakah serta engkau jubul (botol) dakwat." Maka berkata aku: "Tiada serta aku jubul (botol) da'wat." Maka bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam: Hai Hilal, jangan engkau bercerai akan jubul (botol) dakwat, kerana bahawasanya kebajikan itu padanya dan pada ahlinya hingga hari qiamat."

Dan berwasiat oleh Ash-Shadru Asy-Syahid Husamuddin bagi anaknya Syamsuddin, bahawa menghafaz ia pada tiap-tiap hari akan kadar yang sedikit daripada ilmu dan hikmah, kerana bahawasanya demikian itu mudah dan sedikit dan kemudian daripada beberapa hari adalah ia jadi banyak.
Dan membeli 'Isham bin Yusuf akan suatu qalam dengan satu dinar supaya menulis ia akan barang yang ia dengarnya pada ketika itu selalu, kerana bahawasanya, umur itu pendek dan ilmu itu banyak. Maka sayugia bahawa tiada mensia-sia ia akan waktu-waktu dan ketika-ketika dan mengambil untung ia pada malam-malam dan tempat-tempat yang sunyi.

Dan dinaqal daripada Yahya bin Mu'adz Ar-Razi:

الليل طويل فلا تقصره بمنامك، والنهار مضيئ فلا تكدره بآثامك.

Bermula malam itu panjang, dan jangan engkau taqsir akan dia dengan tidur engkau. Dan siang hari itu terang, maka jangan engkau makruh akan dia dengan dosa-dosa engkau.

Dan sayugia-sayugia bahawa mengambil untung ia daripada orang tua-tua dan menuntut faedah ia daripada mereka itu. Dan tidaklah tiap-tiap barang yang luput itu didapatkan, seperti berkata Tuan Guru kami Syeikh Al-Islam pada masyayeikhnya, yakni nama kitab bagi Sohib Al-Hidayah,

كم من شيخ كبير أدركتُه وما استخبرتُه

beberapa banyak daripada orang tua-tua yang besar-besar pada ilmu dan kelebihan yang aku dapat akan mereka itu dan tiada aku menuntut daripada mereka itu akan kebajikan.

Dan aku berkata-kata atas ini keluputan hal keadaannya aku mengadakan akan ini baris daripada syair:

لهفا على فوت التلاقى لهفا*ما كل ما فات ويفنى يلفى

Oh, kesedihan aku atas kelupuan berjumpa, oh tiadalah tiap-tiap yang luput dan binasa itu didapatkannya.

Maksudnya: Oh, ayuhai kerugian dan kesedihanku dan kesesalan aku atas luput berjumpa serta yang besar-besar daripada ulama'-ulama' dan yang besar-besar daripada yang mempunyai kelebihan-kelebihan padahal tiada di dapatkan sekali-kali akan sekalian barang-barang yang telah luput dan binasa itu dan tiada mungkin hendak mencari akan dia.

Maka ini semata-mata kesedihan dan kerunsingan sahaja padahal kesedihan dan kerunsingan itu tiada memberi manfaat kemudian daripada telah lalu kelakuannya.
Berkata Saiyidina 'Ali Radhiyallahu 'anhu:

إذا كنت فى أمر فكن فيه، وكفى بالإعراض عن علم الله خزيا وخسارا واستعذ بالله منه ليلا ونهارا.

Apabila adalah engkau itu pada suatu pekerjaan, maka jadikan olehmu akan diri kamu padanya dan memadalah berpaling daripada ilmu Allah Ta'ala itu semata-mata kehinaan dan kerugian.Dan berminta lindung olehmu dengan Allah daripadanya malam dan siang, dan tak dapat tidak bagi penuntut ilmu itu daripada menanggungkan kesusahan dan kehinaan pada ketika menuntut ilmu itu.

Dan bermula dongeng-dongeng dan kecek-kecek pada menarikkan kekasihan serta tiada pada hakikat itu dicelakan melainkan pada ketika menuntut ilmu, kerana bahawasanya pada ketika itu tak dapat tidak baginya daripada kecek-kecek akan gurunya dan taulan-taulannya dan lainnya supaya dapat mengambil faedah dan ambil faham daripada mereka itu.

Dikatakan:

العلم عز لا ذُلّ فيه، لا يُدرك إلا بذل لا عِزّ فيه

ilmu itu kemenangan, tiada kehinaan padanya, tiada didapatkan dia melainkan dengan kehinaan, tiada kemenangan padanya.

Telah berkatalah oleh seorang yang berkata daripada ulama'-ulama':

أرى لك نفسا تشتهى أن تُعِزَّها*فلستَ تنال العز حتى تُذلّها

Aku ketahui bagi engkau itu nafsu yang engkau kehendak akan kemenangannya maka tiada dapat akan kemenangan melainkan bahawa menghinakan dianya.

Maksudnya: Aku ketahui dan yakin bahawasanya bagi engkau itu nafsu yang engkau berahi dan kehendak bahawa engkau menjadikan dia kemenangan.

Maka tiada engkau mendapat dan menyampaikan akan kemenangannya melainkan bahawa engkau menghina akan dia dahulunya.

فَصْلٌ: فِي الْوَرَعِ فِي حَالِ التَّعَلُّمِ

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN WARA' PADA KETIKA BELAJAR ILMU

Dan dikatakan bahawa :

مَنْ لَمْ يَتَوَرَّعْ فِي تَعَلُّمِهِ ابْتَلَاهُ اللَّهُ تَعَالَى بِأَحَدٍ ثَلَاثَةِ أَشْيَاءَ، إِمَّا أَنْ يُمِيِّتَهُ فِي شَبَابِهِ أَوْ يُوْقِعَهُ فِي الرَّسَاتِيْقِ أَوْ يَبْتَلِيَهُ بِخِدْمَةِ السُّلْطَانِ.

Ertinya: Barangsiapa yang tiada wara' ia pada belajar ilmunya, nescaya membala' akan dia oleh Allah Ta'ala dengan salah satu daripada tiga perkara imsan; bahawa memati ia akan dia pada waktu mudanya atau menjatuh ia akan dia pada kampung-kampung orang-orang yang jahil atau membala' akan dia dengan berkhidmat akan sultan dan raja.

Maka sekadar mana yang adalah penuntut ilmu itu wara' adalah ilmunya memberi manfaat sekadar itulah.

Dan bermula belajar ilmu baginya terlebih mudah dan faedah-faedahnya terlebih banyak.
Dan setengah daripada wara' itu bahawa terpelihara ia daripada kenyang, banyak tidur dan banyak bercakap-cakap pada barang yang tiada memberi manfaat. Dan bahawa

terpelihara ia daripada memakankan makanan kedai-kedai jika dapat, kerana bahawasanya makanan kedai-kedai itu terlebih hampir kepada najasah dan cemar, dan terlebih jauh daripada menyebutkan Allah Ta'ala, dan terlebih hampir kepada lalai dan kerana bahawasanya, mata-mata orang-orang papa terpandang ia atasnya dan tiada kuasa mereka itu atas membeli daripadanya, maka jadi tersakiti mereka itu dengan demikian itu, maka hilanglah berkatnya.

Dan dihikayatkan bahawasanya Al Imam As Syeikh Al- Jalil Muhammad Ibnu Al-Fadhli adalah ia pada ketika belajar ilmunya tiada makan ia daripada makanan kedai. Dan adalah bapanya kediaman ia pada kampung dan menyedia ia akan makanannya. Dan masuk ia kepadanya pada hari Juma'at, maka lihat ia pada bilik anaknya akan roti kedai pada satu hari. Maka tiada bercakap ia akan dia, hal keadaannya marah ia atasnya. Maka menyatalah oleh anaknya akan ke'uzuran. Maka berkata ia: "Aku tiada membeli akan dia dan tiada aku redha dengan dia dan tetapi membawa mari akan dia oleh taulanku." Maka berkata bapanya: "Jikalau adalah engkau berihtiyath dan engkau wara' nescaya tiada berani taulan engkau dengan demikian itu"

Demikian inilah adalah mereka itu wara' mereka itu. Maka kerana itulah ditaufiq akan dia bagi ilmu dan menghamburnya hingga kekallah nama mereka itu hingga hari qiamat.

Dan berwasiatlah oleh satu orang alim pada feqah dari- pada yang zahid-zahid daripada ulama'-ulama' feqah dari penuntut ilmu dengan katanya: "Lazim olehmu bahawa engkau terpelihara daripada mengumpat dan daripada se-kedudukkan dengan orang yang banyak bercakap-cakap."

Dan berkata ia,

من يكثر الكلام يسرق عمرك ويضيع أوقاتك.

Bahawasanya mereka yang membanyakkan cakap-cakapan itu mencuri ia akan umur engkau dan mensia-sia ia akan waktu- waktu engkau.

Dan setengah daripada wara' itu pula, bahawa jauh ia daripada ahli fasad dan ahli maksiat- maksiat dan ahli mensia- siakan umurnya, kerana bahawasanya berhampir-hampiran itu memberi bekas dan berjangkit tak dapat tidak.
Dan bahawa duduk ia hal keadaannya berhadap qiblat dan bahawa adalah ia berjalan dengan jalan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan bahawa mengambil untung ia akan doa-doa ahli kebajikan daripada ulama'-ulama' dan yang shalih-shalihin. Dan bahawa terpelihara ia daripada doa-doa orang yang kena aniaya, kerana bahawasanya doa-doa mereka itu diperkenankan, seperti barang yang tsabit dengan hadith yang sohih.

Dan dihikayatkan bahawasanya dua lelaki keluar keduanya pada menuntut ilmu kepada negeri-negeri sebelah terjauh dan adalah keduanya berbetulan keduanya pada menuntuti ilmu. Maka kembali keduanya kemudian daripada beberapa tahun kepada negeri keduanya, walhal jadilah salah suatu daripada keduanya alim pada feqah dan yang satu laginya tidak. Maka amat-amatilah oleh ulama'-ulama' feqah pada itu negeri dan menanya mereka itu daripada kelakuan keduanya dan ulang. ulangan bacaan keduanya dan kedudukkan keduanya. Maka dikhabar akan mereka itu bahawasanya kedudukan yang alim pada feqah itu adalah kedudukannya berhadap qiblat pada ketika mengulang-ulang

akan bacaannya dan berhadap kepada negeri yang ia dapat ilmu padanya.

Dan yang satu lagi itu adalah ia membelakangkan qiblat dan mukanya berhadap kepada yang lain daripada itu negeri. Maka bersetujulah ulama'-ulama' feqah itu, bahawasanya yang alim pada feqah itu jadi faqih ia dengan berkat berhadap qiblat, kerana ialah yang sunat pada kedudukkan-kedudukkan melainkan pada ketika dharurat dan hajat dan dengan berkat doa orang-orang Islam, kerana bahawasanya itu negeri tiada sunyi ia daripada abid-abid dan ahli Al-Khair. Maka yang zhahirnya, bahawasanya seorang abid daripada segala abid-abid mendoa ia baginya pada malam- malam.

Maka sayugia bagi penuntut-penuntut ilmu, bahawa tiada bermudah-mudah ia dengan adab-adab dan sunat-sunat. Kerana bahawasanya, mereka yang bermudah-mudah dengan adab- adab itu diharamkan dia daripada sunat-sunat. Dan barangsiapa yang bermudah-mudah ia dengan sunat-sunat itu diharam akan dia daripada fardhu-fardhu. Dan mereka yang bermudah-mudah dengan fardhu- fardhu itu diharam akan dia daripada pahala akhirat.

Dan setengah mereka itu berkata ia Ini makna hadith daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam.

Dan sayugia bahawa membanyak ia akan sembahyang-sembahyang sunat dan sembahyang ia seperti sembahyang-sembahyang orang yang khusyu'-khusyu', kerana bahawasanya yang demikian itu penolongan baginya atas menghasilkan anya dan belajarnya.

Dan diberi syair akan daku bagi As Syeikh Al-Jalil Az- Zahid Al-Hajjaj Najmuddin Umar bin Muhammad An-Nasafiy.

كن للأوامر والنواهى حافظا * وعلى الصلاة مواظبا ومحافظا

Jadi olehmu memeliharakan suruh-suruh dan tegahannya; dan atas sembahyang itu mengekalkan dan memeliharanya.

واطلب علوم الشرع واجهد واستعن * بالطيبات تصر فقيها حافظا

Dan tuntut akan ilmu- ilmu syara' dan bersungguh dan bertolongnya; dengan kebajikan-kebajikan nescaya jadi engkau faqih lagi ingatnya.

واسئل إلهك حفظ حفظك راغبا * من فضله فالله خير حافظا

Minta olehmu akan Tuhan engkau akan memeliharakan serta gemarnya, pada kelebihannya kerana Allah yang sebaik-baik memeliharanya.

Maksudnya: Jadi olehmu akan diri kamu itu yang memeliharakan akan sekalian suruhan-suruhan Allah Ta'ala dan sekalian tegahan-tegahanNya dan yang memeliharakan dan yang mengekalkan atas sembahyang-sembahyangnya.

Dan tuntut olehmu akan ilmu-ilmu syara' dan bersungguh-sungguh. Dan ijtihad olehmu dan bertolong olehmu dengan amalan-amalan yang baik-baik dan yang diredhai, nescaya jadi kamu yang alim pada feqah lagi ingat akan masalah-masalahnya.

Dan minta olehmu akan Tuhan engkau akan memeliharakan peringatan engkau hal keadaannya gemar pada kelebihan-kelebihannya, kerana bahawasanya Allah Ta 'ala itu yang sebaik-baik orang yang memeliharakan.

Dan berkata ia pula:

أطيعوا وجدوا ولا تكسلوا *وأنتم إلى ربكم ترجعون

Taat olehmu dan bersungguh jangan segannya; dan kamu-kamu kepada Tuhan kamu dikembalinya.

ولا تهجعوا فخيار الورى *قليلا من الليل ما يهجعون

Dan jangan tidur kamu kerana sebaik-baik makhluknya; sedikit daripada malam barang yang ia tidurnya.

Dan sayugia bahawa berkekalan ia akan buka atas tiap-tiap hal supaya muthala'ah ia akan dia dan lihat-lihat akan dia.

Dikatakan:

من لم يكن الدفتر فى كمه لم تثبت الحكمة فى قلبه.

Barangsiapa yang tiadalah buku itu pada tangan bajunya, nescaya tiada tetaplah hikmah pada hatinya.

Dan sayugia bahawa adalah daftarunnya itu putih (tempat kosong daripada tulisan-tulisan), supaya menulis ia padanya akan barang yang ia dengar daripada mulut-mulut lelaki yang bijak-bijak.

Dan bahawa menyertai ia akan jubul (botol) dakwat atau qalam berda'wat supaya senang ia menulis akan barang yang ia dengar daripada ulama'-ulama' yang mahir-mahir.

Dan sungguhnya telah kami sebutkan akan hadith Hilal bin Yasar pada barang yang telah lalu, maka sungguhnya di-ketahui daripadanya bahawasanya menyertai akan jubul (botol) dakwat itu terlebih baik.

فَصْلٌ: فِيْمَا يُوْرِثُ الْحِفْظَ وَفِيْمَا يُوْرِثُ النِّسْيَانَ

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN BARANG YANG MEMBAWA KEPADA BANYAK PERINGATAN DAN PADA MENYATAKAN BARANG YANG MEMBAWA KEPADA BANYAK PELUPA

Dan bermula yang terlebih kuat asbab-asbab bagi dapat peringatan itu bersungguh dan berkekalan dan daripada menyedikitkan makan-makan dan sembahyang sunat pada malam, seperti sunat tahajjud, dan bermula membaca Al-Quran itu setengah daripada asbab-asbab bagi peringatan.

Dikatakan:

ليس شيئ أزيد للحفظ من قراءة القرأن نظرا

Tiada suatu yang terlebih menambahkan peringatan lebih daripada membaca Al-Quran dengan tilik.

Dan bermula membaca Al-Quran dengan tilik kepada mushaf itu afdhal, kerana sabdanya 'alaihisshalatu wassalam:

أَفْضَلُ أَعْمَالِ أُمَّتِي قِرَاءَةُ الْقُرْآنِ نَظْرًا.

Ertinya: Bermula yang terlebih afdhal amalan-amalan umatku itu membaca Al-Quran dengan tilik.

Melihatlah oleh Syaddad bin Hakim akan setengah dari. pada saudaranya sama Islam kemudian daripada matinya di dalam tidurnya, maka berkata ia bagi saudaranya:

أى شيئ وجدته أنفع؟ قراءة القرآن نظرا.

"Apa benda yang engkau dapat akan dia terlebih memberi manfaat?" Berkata ia: "Membaca Al-Quran dengan tilik."

Dan setengah daripada asbab-asbab bagi peringatan itu bahawa membaca ia pada ketika mengangkat kitab yang ia baca akan dia dan muthala'ah akan dia akan:

بِسْمِ اللَّهِ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ عَدَدَ كُلِّ حَرْفَ كُتِبَ وَيُكْتَبُ أَبَدَ الْآبِدِيْنَ وَدَهْرَ الدَّاهِرِينَ.

Dan bahawa membaca ia kemudian daripada tiap-tiap sembahyang fardhu lima waktu akan:

آمَنْتُ بِاللَّهِ الْوَاحِدِ الأَحَدِ الْحَقِّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَكَفَرْتُ بِمَا سِوَاهُ.

Dan membanyak ia akan salawat atas Nabi 'Alaihisshalatu wassalam, kerana bahawasanya Shallallahu 'alaihi wasallam itu rahmat bagi sekalian 'alam. Maka dengan berkat salawat atasnya itu kita harap akan turun rahmat dan bersangatan ingat dan hilang pelupa.

Seperti kata syair:

شكوت إلى وكيع سوء حفظى * فأرشدنى إلى ترك المعاصى

Mengaduku kepada waki' akan jahat peringatanku; maka menunjuk ia akan daku kepada meninggalkan maksiat-maksiatku.

فإن الحفظ فضل من الله* وفضل الله لا يعطى لعاصى

Kerana peringatan itu kurnia daripada Tuhannya; dan kurnia Tuhan itu tiada diberi akan dia bagi yang derhakanya.

Dan bermula bersugi dan minum manisan madu dan makan kundur serta sukkar (gula). Berkata di dalam Al-Munjid Al-

Kundur itu getah kayu duri. Dan makan 21 biji buah zabib merah pada tiap-tiap hari sebelum makan apa-apa. Semuanya itu membawa kepada peringatan dan menyembuh ia daripada kebanyakan daripada sakit-sakit dan penyakit-penyakit. Dan tiap-tiap yang menyedikitkan balgham dan basahan-basahan di dalam tubuh badan menambah ia akan peringatan, dan tiap- tiap yang menambahkan pada balgham membawa ia kepada banyak pelupa.

Dan adapun barang yang membawa kepada pelupa itu, maka iaitu mengerjakan maksiat- maksiat, banyak dosa, banyak dukacita dan banyak kerunsingan-kerunsingan pada pekerjaan- pekerjaan dunia. Dan banyak pekerjaan dan gantungan- gantungan, sungguhnya telah menyebut oleh kami, bahawasa- nya tiada sayugia bagi yang beraqal bahawa cita-cita ia bagi pekerjaan dunia, kerana bahawasanya memberi mudharat dan tiada memberi manfaat. Dan dukacita akan dunia itu, tiada sunyi ia daripada kelam pada hati. Dan dukacita akan akhirat itu, tiada sunyi ia daripada cahaya pada hati.

Dan nyatalah bekasnya pada sembahyang, maka cita-citakan dunia itu, menegah ia akan dia daripada kebajikan. Dan cita-citakan akhirat itu membawa ia akan dia kepadanya.
Dan bermula masyghul dengan sembahyang serta khusyu' dan masyghul dengan belajar ilmu itu menafikan cita-cita dan kerunsingan dan menghilangkan dia, seperti berkata As Syeikh Al Imam Nashir bin Hasan Al-Marghibaniy pada qasidah baginya:

استعن نصر بن الحسن *فى كل علم يحتـــزن

Bertolong olehmu Nashir bin Al-Hasan; pada tiap-tiap ilmu yang dipeliharakan.

ذاك الذى ينفى الحزن * وما سواه باطل لا يؤتمن

Demikian itu menafikan kerunsingannya; dan yang lainnya tiada dipercayakannya)

Kata syair :

سلام على من تيمتنى بظرفها * ولمعة خدها ولحة طرفها

سبتنى وأصبتنى فتاة مليحة * تحيرت الأوهام فى كنه وصفها

فقلت: ذرينى واعذرينى فإننى * شغفت بتحصيل العلوم وكشفها

ولى فى طلاب الفضل والعلم والتقى * غنى عن غناء الغانيات وعرفها

Dan adapun asbab-asbab bagi terlupa ilmu itu, maka iaitu:
Makan daun kazbarah yang hidup.
Dan buah tuffah (epal) yang masam.
Dan pandang kepada yang kena sula.
Dan baca surat (tulisan) pada papan qubur.
Dan lalu di antara unta-unta yang dirikil.
Dan melontar tuma yang hidup atas bumi.
Dan berbekam pada lubang tengkuk.

Maka jauh olehmu akan sekaliannya, kerana bahawasanya sekaliannya itu membawa kepada pelupa.

فَصْلٌ: فِيْمَا يَجْلِبُ الرِّزْقَ وَمَا يَمْنَعُ الرِّزْقَ وَمَا يَزِيدُ فِي الْعُمْرِ وَمَا يَنْقُصُ

INI SUATU FASAL PADA MENYATAKAN BARANG YANG MEMBAWA KEPADA MUDAH DAPAT REZEKI DAN BARANG YANG MENEGAHKAN DAPAT REZEKI; BARANG YANG MENAMBAHKAN UMURNYA DAN MEMANJANGKAN DAN BARANG YANG MENGURANGKAN UMUR

Kemudian tak dapat tidak bagi penuntut-penuntut ilmu itu daripada makanan dan daripada mengetahuikan barang yang membawa kepada bertambahnya dan barang yang membawa kepada bertambah umurnya dan bertambah segar tubuh badannya, supaya senang ia bagi menuntut ilmu.

Dan mengaranglah mereka itu akan beberapa kitab pada menyatakan tiap-tiap daripada demikian itu, maka aku bawakan setengah daripadanya di sini atas jalan pendek jua.

Sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

لَا يَرُدُّ الْقَدْرَ إِلَّا الدُّعَاءُ وَلَا يَزِيدُ فِي الْعُمْرِ إِلَّا الْبِرُّ فَإِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ.

Ertinya: Tiada menolak akan kadar itu melainkan doa jua dan tiada menambah pada 'umur melainkan kebajikan, kerana bahawasanya lelaki itu diharamkan dia daripada rezeki dengan sebab dosa yang mengenai ia akan dia.

Maka jika dikatakan: Bermula ajal-ajal dan rezeki-rezeki itu telah ditaqdirkan, tiada bertambah ia dan tiada kurang ia, dengan beberapa nash yang menunjuk atasnya. Maka macam manakah wajah hadith yang tersebut itu dijawabkan dengan bahawasanya beberapa banyak daripada perkara-perkara itu terkadang dituliskan pada Lauh Mahfuz terhentinya atas beberapa syuruth (syarat-syarat), seperti

dituliskan jika berbuat baik si anu-si anu itu, maka umurnya 30 tahun dan jika tidak maka 50.

Dan ialah makna firman Allah Ta'ala:

يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ

Ertinya: Menghapuslah oleh Allah akan barang yang la kehendak dan menetapkan.

Tetapi ini dengan nisbah kepada barang yang zahir bagi malaikat-malaikat pada Lauh Mahfuz tiada dengan nisbah kepada ilmu Allah yang azali, kerana tiada hapus padanya dan tiada bertambah.

Tsabitlah dengan ini hadith, bahawasanya mengerjakan dosa itu jadi sebab bagi tertegah rezeki, istimewa pula dusta membawa ia kepada jadi papa. Dan sungguhnya datanglah padanya hadith yang khas.

Dan demikian jua tidur pada waktu subuh, menegah ia akan rezeki.
Dan banyak tidur itu membawa kepada papa daripada jihah (sudut) harta dan papa daripada jihah (sudut) ilmu.

kata syair:

سرور الناس فى لبس اللباس *وجمع العلم فى ترك النعاس

Kesukaan manusia-manusia itu pada memakaikan pakaian;
Dan menghimpunkan ilmu itu tsabit pada meninggalkan tidurnya.

أليس من الحزن أن لياليا *تمر بلا نفع وتخسر من عمر

قم الليل يا هذا لعلك ترشد *إلى كم تنام الليل والعمر ينفد

Dan setengah daripada barang yang membawa kepada papa itu:
Tidur sambil telanjang.
Dan kencing telanjang.
Dan makan padahal ia di dalam berjunub.
Dan makan sambil menyingking atas lambungnya.
Dan bermudah-mudah dan membiar-biarkan dengan yang tumpah-tumpah daripada hidangan daripada nasi-nasi, roti dan umpamanya.
Dan bakar kulit bawang merah dan bawang putih.
Dan sapu rumah dengan kain mindil.
Dan sapu rumah pada malam.
Dan membiarkan sampah pada rumah.
Dan berjalan-jalan di hadapan orang-orang tua.
Dan panggil akan dua ibu-bapa dengan nama keduanya.
Dan berculik gigi dengan tiap-tiap kayu.
Dan basuh tangan dengan selut dan tanah.
Dan duduk atas direning pintu.
Dan bergantung-gantung atas salah satu daripada dua keping papan pintu.
Dan berwudhu' pada tempat qadha' hajat.
Dan menjahitkan kain yang di atas tubuhnya.
Dan mengeringkan basah-basah mukanya dengan kain pakainya.
Dan membiarkan sarang labah-labah pada rumahnya.
Dan bermudah-mudah dengan sembahyang.
Dan bersegera keluar daripada masjid kemudian daripada sembahyang Subuh. Dan berpagi-pagi kepada kedai dan lambat pulang daripadanya.

Dan membelikan yang pecah-pecah daripada roti-roti daripada fuqara' yang berminta-minta.
Dan berdoa dengan kejahatan atas anaknya.
Dan meninggalkan menudung bejana-bejana.
Dan hembus pelita dengan mulut,.
Semuanya itu membawa kepada papa yang diketahuikan demikian itu daripada akhbar-akhbar sahabat Shallallahu 'alaihi wasallam.
Dan demikian juga:
Menyurat dengan qalam yang diberkas.
Dan bersisir dengan sisir yang patah.
Dan meninggalkan berdoa dengan kebajikan bagi dua ibu-bapanya.
Dan belit serban sambil duduk.
Dan pakai seluar sambil berdiri.
Dan penyayang dan sangat jimat.
Dan boros melampaui had.
Dan segan dan lambat.
Dan bermudah-mudah pada sekalian pekerjaan-pekerjaan.
Semuanya demikian itu membawa kepada kepapaan.

Sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

اسْتَنْزِلُوا الرِّزْقَ بِالصَّدَقَةِ.

Ertinya: Minta olehmu akan kedatangan rezeki itu dengan bersedekah.

Dan bermula bangun pagi-pagi itu diberkatkan, menambah ia akan sekalian nikmat-nikmat, istimewa pula diberi rezeki.
Dan bermula elok suratan itu setengah daripada anak-anak kunci rezeki.
Dan bermula manis muka dan lembut cakapan itu menambahkan pada rezeki.

Dan diriwayatkan daripada Al Hasanbin 'Ali Radhiyallahu Ta'ala 'anhuma: "Bermula sapu halaman rumah dan basuh akan bejana-bejana makanan dan umpamanya itu menarikkan rezeki."
Dan bermula yang terlebih kuat asbab-asbab yang menarikkan rezeki itu:
Mengerjakan sembahyang dengan membesarkan.
Dan khusyu'.
Dan membetulkan rukun-rukunnya.
Dan yang tinggal daripada wajibat-wajibatnya.
Dan segala sunat-sunatnya.
Dan adab-adabnya.
Dan bermula sembahyang Dhuha itu telah masyhur pada jadi sebab bagi menarikkan rezeki dan mendapat akan dianya.
Demikian juga setengah daripada asbab-asbab bagi mendapat rezeki itu:
Membaca suruh Al-Waqi'ah, istimewa pula pada malam waktu hendak tidur.
Dan membaca surah Al-Mulk, Al-Muzammil, Wallaili Iza Yaghsya dan Alam Nasyrah Laka.
Dan datang kepada masjid dahulu daripada bang.
Dan berkekalan atas thaharah.
Dan mengerjakan sunat fajar dan witir pada rumah.
Dan bahawa tiada bercakap-cakap dengan cakapan dunia kemudian daripada sembahyang witir.
Dan bahawa tiada membanyak ia akan sekedudukan dengan perempuan melainkan pada ketika hajat jua.
Dan bahawa bercakap-cakap ia dengan percakapan yang lagha yang tiada memberi faedah bagi agamanya dan dunianya.

Dikatakan:

من اشتغل بما لا يعنيه فاته ما يعنيه

Barangsiapa yang ralib ia dengan barang yang tiada cita-cita, nescaya luput akan dia barang yang dicita- citanya.

Kata Bazarjamhar بزرجمهر :

إذا رأيت الرجل يكثر الكلام فاستيقن بجنونه

Apabila engkau lihat akan seorang lelaki membanyak-banyak ia akan cakapan, maka yakin olehmu dengan gilanya.

Berkata 'Ali Radhiyallahu Ta'ala 'anhu:

إذا تم العقل نقص الكلام

Apabila sempurna aqal, nescaya kuranglah cakapannya.

Berkata mu'allif Rahimahullahu Ta'ala: Bersetujulah bagiku pada ini makna suatu syair:

إذا تم عقل المرء قل كلامه* وأيقن بحمق المرء إن كان مكثرا

Apabila sempurnalah aqal seorang sedikit cakapannya; dan yakin olehmu dengan bodoh seorang jika ia banyak cakapannya.

Berkata yang lain pula:

النطق زين والسكوت سلامة* فإذا نطقت فلا تكون مكثرا

Cakapan itu perhiasan dan diam itu sejahteranya, apabila bercakap engkau jangan engkau membanyaknya.

ما ندمت على سكوت مرة* ولقد ندمت على الكلام مرارا

Jika sesal engkau atas diam satu kalinya; nescaya sesal engkau atas bercakap-cakap beberapa kalinya.

Dan setengah daripada barang yang menambahkan pada rezeki itu:
Bahawa membaca ia pada tiap-tiap hari kemudian daripada nyatą fajar hingga waktu sembahyang akan:

سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ أَسْتَغْفِرُ اللَّهُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

kali100

Dan bahawa membaca ia akan:

لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ.

pada tiap-tiap hari pagi dan petang 100 kali.

Dan bahawa membaca ia kemudian daripada fajar tiap-tiap Danakan "Alhamdulillah", "Subhanallah" dan "Laallaha Illallah" 33 kali dan kemudian daripada sembahyang Maghrib.

Demikian juga dan istighfar ia akan Allah Ta'ala 70 kali kemudian daripada sembahyang fajar.
Dan bahawa membanyak ia daripada membaca akan:

لا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

dan daripada salawat atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam.

Dan membaca ia pada hari Juma 'at 70 kali akan:

اللَّهُمَّ أَغْنِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَاكْفِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سواك.

Dan bahawa membaca ia akan ini pujian pada tiap-tiap hari dan malam, iaitu:

أَنْتَ اللَّهُ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ أَنْتَ اللَّهُ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ أَنْتَ اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ أَنْتَ اللَّهُ خَالِقُ الْخَيْرِ وَالشَّرِّ أَنْتَ اللَّهُ خَالِقُ الْجَنَّةِ

وَالنَّارِ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ عَالِمُ السِّرِّ وَأَخْفَى أَنْتَ اللهُ الْكَبِيرُ الْمُتَعَالُ أَنْتَ اللَّهُ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ يَعُوْدُ كُلُّ شَيْءٍ أَنْتَ اللَّهُ دَيَّانُ يَوْمِ الدِّيْنِ لَمْ تَزَلْ وَلَا تَزَالُ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَنْتَ اللَّهُ الْأَحَدُ الصَّمَدُ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ أَلتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ

Dan bahawa mengambil berkat ia dengan atsar yang datang pada bicarakan bomoh (doktor) yang menghimpunkan dia oleh As Syeikh Al Imam Abu Al-'Abbas Al-Mustaghfiri pada kitabnya yang bernama "طب النَّبِيِّ عَلَيْهِ الصَّلاةُ والسلامُ")Thibb An-Nabi 'Alaihi Shalatu wassalam).

Mendapat akan dia oleh mereka yang menuntutnya.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى التَّمَامِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الرُّسُلِ الْكِرَامِ.